

**Jilid 1  
Bil. 5**



**Hari Jumaat  
13hb Oktober, 1978**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KELIMA**  
*Fifth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
**[Ruangan 341]**

**USUL-USUL:**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan  
Mesyuarat [Ruangan 358]**

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-  
Pertuan Agong [Ruangan 359]**

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KELIMA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat** Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL**, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., D.S.I.J., J.M.N., P.I.S.
- Yang Amat Berhormat** Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, **DATO' HUSSEIN ONN**, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat** Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DATO' LEE SAN CHOON**, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Pengangkutan, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM**, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Undang-undang, **DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH**, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI**, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE**, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF**, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI**, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Pertahanan, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD**, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' MICHAEL CHEN WING SUM**, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Pelajaran, **DATO' MUSA BIN HITAM**, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).
- „ Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH**, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS**, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN**, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Pertanian, **DATO' SHARIF AHMAD**, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Menteri Penerangan, **DATO' MOHAMED BIN RAHMAT**, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

- Yang Berhormat** Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SERI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD AL-HAJ BIN SYED MAHMUD SHAHABUDDIN, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN  
(Mas Gading).

- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,  
TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING  
(Rajang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI  
ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN  
YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL  
Samad (Johor Bahru).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH  
BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU  
HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL  
RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM  
BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan  
Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias*  
YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- .. TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- .. TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- .. TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- .. TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- .. DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P.,  
P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- .. TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- .. DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- .. TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- .. TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- .. TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- .. DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- .. TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- .. TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- .. TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- .. TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- .. TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungei Besi).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).

- Yang Berhormat TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- .. TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- .. PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- .. TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- .. TUAN V. DAVID (Damansara).
- .. TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- .. TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- .. DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- .. TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- .. TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- .. TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- .. DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- .. TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- .. TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
- .. TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- .. TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- .. TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- .. TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- .. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- .. TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabah Bernam).
- .. TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- .. TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- .. TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- .. TUAN LEE KAW (Keluang).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- .. TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- .. TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- .. TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- .. TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- .. DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- .. TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- .. TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- .. TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- .. TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAI BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ DR TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MOY (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

Jumaat, 13hb Oktober, 1978

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**MANAGEMENT ANALYST**

1. **Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan akan mengadakan semula khidmat Management Analyst, satu unit bebas di Jabatan Perdana Menteri untuk mengkaji kedudukan kakitangan di tiap-tiap Jabatan, samada terdapatnya kakitangan yang berlebihan, pegawai yang cuai, tidak cekap dsb. dan tindakan untuk mengatasinya. Jika tidak mengapa.

**Sejiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang di-Pertua, Khidmat Analisa Pengurusan adalah di antara tugas-tugas yang diletakkan ke atas Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia di Jabatan Perdana Menteri. Oleh hal yang demikian, soal untuk mengadakan semula Khidmat Analisa Pengurusan tidak timbul oleh kerana khidmat ini sedia ada diberikan oleh unit yang saya sebutkan itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari kawasan Tumpat, sukalah saya menerangkan bahawa tugas bagi mengkaji kedudukan kakitangan dari segi keupayaan dan tenaga kakitangan yang diperlukan di tiap-tiap jabatan adalah dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Tanggungjawab untuk memastikan bahawa kakitangan dalam tiap-tiap jabatan tidak berlebihan daripada keperluannya dan menjalankan kawalan tatatertib terhadap anggota-anggota jabatan-jabatan itu terletak kepada ketua-ketua jabatan dan tanggungjawab untuk mengadakan dan memberikan peluang latihan kepada kakitangan

jabatan untuk meningkatkan kecekapan mereka menjalankan tugas-tugas masing-masing juga terletak kepada Ketua-ketua Jabatan.

**Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad:** Soalan tambahan. Adakah Kerajaan ber-cadang untuk menambahkan unit-unit ini di Kementerian-kementerian yang lain?

**Tuan Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, unit yang saya sebutkan tadi iaitu Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia telahpun kita tubuhkan pada bulan Mei 1977 dan setakat hari ini persetujuan telah dicapai untuk menubuhkan unit yang sama bagi 7 buah Kementerian yang besar dan kerja-kerja untuk menubuhkan unit-unit ini masih di dalam peringkat permulaan.

**BAHASA MALAYSIA/INGGERIS—  
MEMPERBAIKI AJARAN**

2. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang wajar yang akan diambil oleh Kementerian beliau untuk memperbaiki ajaran bahasa Malaysia dan Inggeris memandangkan dari analisa keputusan peperiksaan SPM/MCE yang diadakan tahun lalu telah melahirkan kelemahan cara mengajar bagi kedua-dua bahasa tersebut.

**Menteri Pelajaran (Dato' Musa Hitam):** Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian Pelajaran bagi memberi kesan yang lebih baik kepada pengajaran dan pembelajaran kedua-dua bahasa Malaysia dan Inggeris ialah:

- (i) Meminta Universiti-universiti tempatan mengadakan kursus-kursus ijazah khas untuk mengeluarkan Guru-guru Bahasa yang berijazah khusus untuk mengajar Bahasa Malaysia.

- (ii) Berusaha mendapatkan perkhidmatan beberapa orang ahli pakar Bahasa Inggeris dari United Kingdom untuk membantu guru-guru bahasa dalam pelaksanaan pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua yang penting dalam sistem persekolahan di negara kita.
- (iii) Memperbanyakkan bahan-bahan bacaan Bahasa Inggeris/Bahasa Malaysia untuk sekolah rendah dan melaksanakan rancangan bacaan tambahan bagi sekolah menengah agar murid-murid mendapat pendedahan yang lebih banyak untuk menambahkan lagi taraf penguasaan bahasa yang berkenaan.
- (iv) Melancarkan satu projek penyelidikan mengenai taraf Bahasa Inggeris/Bahasa Malaysia yang diperlukan dalam tahun-tahun lapan puluhan. Hasil kajian ini nanti akan digunakan oleh Kementerian Pelajaran menyediakan rancangan pelaksanaan pelajaran Bahasa Inggeris/Bahasa Malaysia yang benar-benar sesuai dengan keperluan negara.
- (v) Berasas kepada (iv) di atas, melengkapkan Kementerian Pelajaran dengan maklumat mengenai kelayakan guru-guru Bahasa Inggeris/Bahasa Malaysia dan tebaran mereka di sekolah-sekolah. Dengan ini langkah-langkah bagi memperbaiki kelayakan mereka (jika perlu) serta menempatkan mereka dengan saksama dapat diselenggarakan.
- (vi) Mengkaji semula sukatan pelajaran Bahasa Inggeris/Bahasa Malaysia untuk sekolah rendah dan sekolah menengah dan seterusnya mengemaskinikan agar pelajaran Bahasa Inggeris/Bahasa Malaysia itu menjadi lebih diminati dan lebih berkesan serta menepati keperluan negara.
- (vii) Mengadakan kursus dalam perkhidmatan bagi guru-guru bahasa dan penghasilan Pukul Sumber (Resource Kit) serta Buku Panduan Guru bagi membekalkan guru-guru dengan bahan-bahan yang telah diperingkatkan untuk pengajaran bahasa.
- (viii) Menambahkan lagi pengeluaran guru-guru Bahasa Inggeris/Bahasa Malaysia dari Maktab-maktab Perguruan bagi mengatasi kekurangan guru-guru Bahasa Inggeris/Bahasa Malaysia yang berkelayakan.
- (ix) Mengadakan rancangan pelajaran Bahasa Inggeris/Bahasa Malaysia melalui Radio dan TV Pendidikan untuk memberi pendedahan yang lebih banyak dan meluas kepada para pelajar.
- (x) Melantik pegawai-pegawai Bahasa Inggeris/Bahasa Malaysia di Kementerian Pelajaran, penyelia-penyelia di peringkat negeri dan kakitangan penting di peringkat daerah sebagai satu usaha bagi menentukan pengawasan rancangan Bahasa Inggeris/Bahasa Malaysia itu dikendalikan dengan licin dan rapi.

Akhir sekali, saya suka memaklumkan bahawa Kementerian saya sedang merancang pelancaran "Bulan Bahasa Inggeris" yang akan dimulakan pada pertengahan tahun hadapan. "Bulan Bahasa Inggeris" ini akan meliputi dari peringkat-peringkat daerah dan akan berkemuncak ke peringkat nasional.

**Tuan P. Patto:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa syllabus bahasa Inggeris iaitu communicative English yang digunakan di peringkat atasan di sekolah-sekolah menengah adalah satu daripada sebab-sebab kemerosotan bahasa Inggeris di sekolah-sekolah menengah?

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, samada communicative English yang menyebabkan kemerosotan atau tidak ialah satu perkara yang subjective yang dikaji oleh pakar-pakar pengajaran dan pembelajaran bahasa yang berkenaan tetapi pada asasnya kita sedar atas kelemahan pada keseluruhannya dan itulah sebabnya saya menghuraikan satu persatunya program untuk memperbaiki kedudukan ini.

**Tuan P. Patto:** Soalan tambahan . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Barangkali ini nanti tambah-tambah sahaja. Ahli Yang Berhormat itu bertanya adakah syllabus satu daripada menyebabkan kelemahan.

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, sama jugalah seperti saya katakan tadi samada syllabus Communicative English itu menyebabkan atau tidak ialah satu perkara yang menjadi subjective, iaitu ada orang mengatakan "ya", barangkali Ahli Yang Berhormat itu mengatakan "ya", ada pakar yang

lain mengatakan "tidak". Ini sedang dibuat research dan dibuat analisa sebagai satu daripada program yang saya sebutkan tadi.

**Tuan Shamsuri b'n Md. Salleh:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa kebanyakan guru-guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Inggeris terutama di sekolah-sekolah rendah tidak langsung mendapat latihan khusus mengenainya. Ini saya dapat berbincang dengan guru-guru besar sekolah-sekolah rendah mengatakan oleh sebab tidak ada guru-guru yang mendapat latihan khas ini maka diambil sahaja guru-guru yang mempunyai bahasa yang kedua yang langsung tidak pernah mendapat latihan khusus mengenainya. Soalannya apakah langkah-langkah segera bagi mengatasi masalah ini.

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, satu daripada langkah telahpun saya sebutkan iaitu menambahkan lagi pengeluaran guru-guru Bahasa Inggeris/Bahasa Malaysia dari maktab-maktab perguruan bagi satu daripada rancangan. Saya bersetuju bahawa sebagai permulaan memang ada guru-guru yang tidak terlatih dengan begitu baik dan lengkap. Ini ialah menjadi satu daripada masalah permulaan dan diharap akan dapat diatasi apabila rancangan yang saya senaraikan ini dapat dicapai.

**Tuan Bujang bin Haji Uli:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai soalan tambahan saya ingin hendak bertanya samada Yang Berhormat Menteri sedar bahawa di beberapa buah negeri, terutama sekali Sarawak terdapat pegawai-pegawai adalah berkurangan dan menurut pengalaman saya di Sarawak hanya seorang sahaja bertanggungjawab untuk menjaga hal Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Soalan saya ialah apakah langkah-langkah yang diambil pengajaran Bahasa Malaysia di peringkat Jabatan Pelajaran Negeri-negeri kerana ini menjejaskan pelaksanaan bahasa di peringkat negeri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini sudah termasuk daripada langkah-langkah yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Adakah langkah-langkah lain kalau hendak ditambah lagi?

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada penjelasan Yang Berhormat Menteri tadi jelas iaitu kedua-dua bahasa ini lemah di kalangan murid-murid kita. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran yang berkenaan samada beliau sedar atau tidak kelemahan ini yang lebih jelas ialah di luar-luar bandar dan apa yang kami difahamkan daripada cakap-cakap ibu-bapa iaitu samada betul atau tidak, guru-guru yang mempunyai kelayakan bahasa-bahasa ini tidak suka sangat mengajar di luar bandar dan banyak menumpukan di dalam bandar sahaja. Apakah tindakan Kementerian dalam perkara ini.

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua penempatan guru-guru bahasa di luar bandar ialah satu daripada tanggungjawab yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian untuk memberi keutamaan (priority) kepada sektor luar bandar yang berkenaan. Walau bagaimanapun, sayugia diingat bahawa kelemahan anak-anak kita di luar bandar, misalnya di dalam bahasa Inggeris ialah menjadi satu keadaan yang lebih rumit dihadapi kalau dibandingkan dengan kedudukan anak-anak kita di dalam bandar oleh sebab soal pengajaran dan pembelajaran sesuatu bahasa itu berasas kepada pendedahan (exposure), jadi kalau di luar bandar itu kurang exposure yang didapati oleh anak-anak kita. Ini satu daripada begitu banyak sebab-sebabnya. Walau bagaimanapun, inilah analisa yang dapat dipastikan oleh Kementerian Pelajaran sendiri.

**Tuan P. Patto:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan samada automatic promotion di sekolah-sekolah rendah dan menengah rendah telah menyebabkan kelemahan dalam kedua-dua bahasa ini—bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris di sekolah menengah walaupun di dalam peperiksaan L.C.E. mahupun S.P.M. atau M.C.E

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita tidak bersetuju itu yang menyebabkan kelemahan bahawa Malaysia dan bahasa Inggeris.

**Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj:** Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi kelemahan pengajaran bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia itu adakah Kementerian ini ber-

cadang untuk memberi satu jenis bayaran kepada guru yang mengajar khas mata pelajaran tersebut.

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, tidak.

**Tuan P. Patto:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada lagi soalan tambahan? Baik.

**Tuan P. Patto:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa Rancangan E.T.V. (Educational Television) tidak diikuti oleh semua sekolah sepertimana yang dikehendaki oleh kerana masalah-masalah sekolah itu sendiri. Memandangkan kepada perkara ini, bolehkah Yang Berhormat Menteri membatalkan E.T.V. dan gantikan wang itu sebagai peruntukan bagi perpustakaan perpustakaan di semua sekolah baik di bandar atau di luar bandar dalam memberi buku-buku dalam Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris untuk meninggikan taraf kedua-dua bahasa ini daripada taraf yang wujud sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini keluar daripada soalan asal.

### BRUNEI DALAM ASEAN

**3. Tuan Lee Boon Peng** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah sikap Malaysia terhadap pengisytiharan yang dibuat oleh Brunei bahawa ia akan mencapai kemerdekaan pada tahun 1983 dan samada Kerajaan akan memulakan suatu langkah untuk mengajak Brunei menyertai ASEAN.

**Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj):** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Malaysia belum lagi menerima salinan persepahaman yang diinitalikan oleh pihak Brunei dengan Kerajaan British baru-baru ini dan juga ini tidak boleh disifatkan muktamad lagi. Dengan itu belum dapat meneliti dengan sepenuhnya.

Malaysia pada prinsipnya mengalu-alukan sebarang kemajuan yang dicapai untuk memberikan kemerdekaan sepenuhnya yang akan menjamin kestabilan dan keamanan kepada negara itu.

Mengenai penyertaan Brunei dalam ASEAN, ini adalah terpulang kepada pihak berkuasa Brunei bila sampai masanya.

**Tuan P. Patto:** Soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang apakah Brunei mencapai kemerdekaan untuk menganjurkan satu initiative untuk menjemput Brunei menyertai ASEAN supaya ASEAN diwujudkan dengan lebih bermakna dan berkesan di wilayah ASEAN?

**Tuan Yang di-Pertua:** Baru dijawab oleh Yang Berhormat Menteri, tetapi terserah kepada Brunei.

**Tuan P. Patto:** Tetapi samada pihak Kerajaan boleh menganjurkan satu initiative untuk . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Bila sudah sampai di jambatan, barulah menyeberang.

### SUKATAN PELAJARAN DARJAH RENDAH

**4. Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian ini sedar bahawa mata pelajaran bagi murid-murid darjah 1, 2 dan 3 terlampau banyak sehingga kebanyakan murid-murid tidak dapat mengikuti dengan sepenuhnya sehingga akhir menyebabkan ada murid-murid darjah berkenaan yang tidak tahu membaca dan menulis, oleh kerana terlampau banyak mata pelajaran tersebut tidak sepadan dengan kemampuan mereka dan kalau sedar apakah Kementerian ini akan mengkaji semula sukatan pelajaran.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya mata-mata pelajaran yang dipelajari oleh murid-murid darjah 1, 2 dan 3 telah dirancang untuk memberi murid-murid ini pendidikan yang seimbang supaya mereka kuat dalam pelajaran asas iaitu 3M—3M ialah mengira, membaca, menulis—mempelajari nilai-nilai dan sikap hidup bermasyarakat, pengetahuan agama serta amalan-amalan kesihatan. Sambil itu sukatan pelajaran ini senantiasa dikaji oleh bahagian-bahagian Kementerian Pelajaran dari beberapa segi untuk menjadikan ianya sesuai sebagai teras pendidikan kepada murid-murid sekolah rendah.

Usaha-usaha memenuhi kehendak-kehendak jangka masa pendek sedang dijalankan seperti membaiki isi, mutu buku-buku teks murid-murid oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan Biro Buku Teks Kementerian Pelajaran dan projek-projek membasmi kelemahan membaca oleh setengah Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri. Langkah-langkah untuk memenuhi kehendak-kehendak jangka masa panjang membaiki mutu pengajaran dan isi pelajaran murid-murid sekolah rendah, sedang dijalankan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran melalui beberapa projek yang dijalankan di beberapa sekolah-sekolah percubaan. Oleh kerana kajian ini dijalankan dengan teliti hasilnya tidak boleh didapati dengan serta merta. Dari hasil-hasil kajian ini Kementerian Pelajaran akan mengkaji semula sukatan pelajaran sekolah rendah.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menambahkan satu soalan. Kita dapati kanak-kanak di sekolah rendah setahu saya Darjah 1, 2 dan 3, samada Yang Berhormat Menteri bersetuju atau tidak bersetuju, saya tidak tahu, iaitu mereka ini agak dibebankan sedikit dengan mata pelajaran terutama sekali dari segi bahasa. Misalnya, di samping Bahasa Malaysia, bahasa ibunda dan juga bahasa Inggeris. Adakah tidak terfikir kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran bahawa untuk menguasai ketiga-tiga bahasa ini serentak bagi murid-murid yang biasa agak keterlaluan dan kalau ya, adakah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran bercadang supaya soal pengajaran bahasa yang kedua atau yang ketiga ini kita tanggihkan sahaja sehingga Darjah 3?

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, kita masih ada kajian. Dalam jawapan saya yang akhir tadi mengatakan kita sudah ada kajian atau projek-projek untuk mengkaji mengenai perkara ini dan bila hasil-hasil daripada kajian itu didapati kita akan membuat satu keputusan.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri samada beliau sedar tentang satu daripada sebab yang murid-murid tidak tahu membaca dan menulis ialah kerana guru-guru tidak dapat menumpukan sepenuhnya kepada bilangan murid yang terlampau ramai

di dalam sebuah kelas. Apakah pihak Kementerian tidak mahu untuk mengurangkan bilangan murid bagi tiap-tiap kelas bagi sekolah rendah?

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini masih dalam timbangan Kementerian Pelajaran oleh kerana ianya ada melibatkan kewangan dan sebagainya.

**Tuan Hashim bin Endut:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan sedar bahawa di dalam kawasan pendalaman masih lagi terdapat kanak-kanak sekolah sedang belajar di bawah pohon-pohon pokok kerana tidak ada sekolah yang sepatutnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan yang asal ini berkenaan dengan banyak mata pelajaran. Tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri nampaknya hendak bangun menjawab.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat perkara ini jikalau ada kes specific kita akan siasat.

**Tuan Azaharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sepanjang yang saya ketahui Penggal Yang Keempat dahulu lagi pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran telah menyatakan beberapa sebab dari segi mata pelajaran rendah ini, seperti sebab guru kurang, guru sementara kurang cekap, ramai murid satu darjah, guru tidak cukup lagi, sekolah belum lengkap dan sebagainya akan dikaji, akan dikaji. Bilakah jangka masanya kajian ini akan berkesudahan dan dapat dinikmati oleh rakyat seluruhnya pelajar-pelajar rendah itu?

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana negara Malaysia kita masih berkembang, jadi soal pelajaran, soal ekonomi dan lain-lain hal juga masih berkembang. Jadi tentulah dari masa ke semasa kita mesti mengkaji, sesuai dengan keadaan negara kita barulah kita melaksanakannya untuk memenuhi kehendak-kehendak dan hasrat rakyat ikta.

**Tuan Haji Mohd Idris bin Haji Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya sangat tertarik dengan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu mewujudkan sistem 3M. Tetapi sebelum ini lebih kurang pada tahun 1974 atau tahun 1975 Kementerian ada menganjurkan satu

persoalan questionaire kepada ibubapa yang saya tahu di Kuala Lumpur ini melalui PIBG dan sekolah-sekolah yang berkenaan telahpun menjawab soalan-soalan dan telahpun mengemukakan melalui PIBG dan melalui sekolah dan terus kepada Kementerian. Saya hendak mengetahui sebab-sebab perkara-perkara yang disoal itu masalah ini juga. Bilakah rancangan-rancangan yang dikemukakan oleh ibubapa untuk mengatasi masalah-masalah yang dibangkit pada hari ini dapat dilaksanakan oleh Kementerian melalui cadangan-cadangan yang dibuat oleh ibubapa tersebut.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab dalam kandungan jawapan saya tadi iaitu ada setengah-setengah Jabatan-Jabatan Pelajaran Negeri bila didapati feedback daripada ibubapa dengan borang-borang itu, jika satu keadaan membaca dan menulis lemah sangat dalam negeri itu, melalui usaha Pengarah Pelajaran Negeri dan juga pegawai-pegawainya akan meng-ajukan satu kempen membasmu membaca supaya murid-murid dapat mengendalikan usaha mereka supaya keadaan tidak dapat membaca itu boleh diatasi kalau tidak seratus peratus dibasmu sekurang-kurangnya boleh dikurangkan keadaannya.

**Tuan Abdul Shukor bin Haji Siraj:** Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah ini, kita sedia maklum iaitu kelas lembam adalah satu daripada jalan Kementerian ini bagi mengatasi kelemahan tersebut, tetapi kita juga difahamkan bahawa guru-guru yang diberi kursus memimpin kelas lembam itu hanya 25 orang dalam setahun. Adakah Kementerian ini bercadang untuk membanyakkan lagi bilangan guru-guru kelas lembam diberi kursus pada setiap tahun?

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, kita boleh timbangkan perkara itu.

**Tuan Umar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri yang berkenaan adakah beliau sedar bahawa salah satu daripada kelemahan pelajaran itu di sekolah-sekolah kerana pihak Kementerian menghantar guru-guru ke sesebuah sekolah itu adalah tidak bersesuaian dengan apa yang diperlukan oleh sesebuah sekolah. Umpamanya sekolah itu berkehendakkan guru sains tetapi pihak Kementerian pelajaran menghantar guru ilmu hisab dan sebagainya. Jadi

guru-guru besar sekolah tidak dapat menyusun guru matapelajaran yang sesuai. Oleh sebab itu ada guru yang tidak berkelayakan diberi tugas mengajar matapelajaran yang tidak sesuai dengannya.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, perkara itu barangkali tidak tepat. Kalau ada keadaan semacam itu dan ada laporan disampaikan kepada kita, maka kita akan mengelakkan keadaan itu.

**Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad:** Soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri telah menerangkan beberapa langkah untuk mengatasi kelemahan pelajaran di sekolah-sekolah menengah tetapi jawapan yang diberikan itu kebanyakannya mengatakan sedang ditimbang, sedang disiasat. Sudah tentulah di sana ada progress dalam penyiasatan itu. Jadi bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan menerangkan sejauh manakah kemajuan dalam penyiasatan dan penelitian Kementerian Pelajaran itu?

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya tadi ialah kita ada mempunyai projek-projek dan perkara itu masih di dalam peringkat kajian. Apabila didapati hasil daripada kajian itu, kita akan menetapkan satu langkah untuk mengatasi perkara ini.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai matapelajaran 3M itu sangatlah menarik perhatian kita, kerana itu adalah asas untuk mendapatkan pelajaran-pelajaran yang lain. Kalau murid tak boleh membaca, tak boleh menulis dan tak boleh mengira, tak guna murid itu diajar matapelajaran yang lain. Jadi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang semasa murid-murid itu di dalam Darjah Satu, kita asingkan mana-mana murid yang belum boleh membaca dan menulis pada satu kelas dan murid-murid yang telah boleh membaca dan menulis mulai dari kelas kindergarten, diasingkan ke dalam kelas yang lain.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam Darjah Satu barangkali mudah sangat kita asingkan oleh kerana dalam tahun yang pertama mereka baru masuk sekolah, jadi jika kita asingkan, barangkali ianya tidak berapa sesuai. Apabila murid itu telah meningkat ke Darjah Tiga dan Darjah Lima akan diadakan Assessment Test, dan dari kajian itu bolehlah diasingkan, tetapi dalam kelas-kelas, kita

dapati ada setengah-setengah sekolah terdapat juga guru-guru menjalankan cara dan langkah sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

**Tuan P. Patto:** Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebutkan tentang Ujian Penilaian yang dijalankan bagi murid-murid Darjah Tiga. Saya ingin tahu apakah langkah-langkah corrective yang telah diambil oleh Kerajaan selepas peperiksaan Darjah Tiga itu dan samada langkah-langkah corrective itu termasuk langkah untuk retain/retention di mana murid-murid yang lemah dalam matapelajaran 3M atau 3R.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tadi kalau tak silap saya Ahli Yang Berhormat itu ada menyual kepada Yang Berhormat Menteri mengatakan ada kelemahan pelajaran dalam sekolah. Oleh kerana kita sekarang menjalankan automatic promotion, jadi retention dalam kelas itu barangkali akan bercanggah dengan sistem pelajaran kita ini, tetapi jikalau murid itu dari segi fizikal betul-betul lemah barangkali satu pertimbangan khas boleh diberi supaya murid itu boleh diretain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan ini sudah meluas terkeluar daripada soalan asal. Cukuplah setakat itu.

## UNIVERSITI MERDEKA

**5. Tuan Karpal Singh** minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah Kerajaan menolak permohonan pihak Merdeka Universiti Sdn. Berhad untuk menubuhkan Universiti Merdeka; samada ketika Kerajaan membuat keputusannya untuk menolak penubuhan Universiti tersebut pihak MCA, Gerakan dan SUPP telah diajak berunding perkara tersebut.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Pelajaran telahpun menjawab satu soalan berhubung dengan Penubuhan Universiti Merdeka ketika menjawab soalan di atas perkara yang sama dari Ahli Yang Berhormat dari Petaling pada 12hb Oktober, 1978 yang lalu. Pada ketika ini saya tidak ada apa-apa lagi yang hendak ditambah kepada jawapan Yang Berhormat Menteri Pelajaran itu.

## ANGKATAN RELAWAN RAKYAT (RELA)

**6. Tuan Hussein bin Mahmood** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa banyakkah yunit-yunit Angkatan Relawan Rakyat (RELA) ditubuhkan setakat 31-8-1978;
- (b) berapa banyakkah di antara yunit-yunit tersebut yang telah diberikan senapang patah atau lain-lain senjata;
- (c) berapa laraskan senjata yang dibekalkan kepada setiap yunit; dan
- (d) berapa banyakkah peluru yang dibekalkan kepada yunit RELA pada tiap-tiap bulan.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) sejak ditubuhkan pada 3-7-1972 sehingga 31-8-1978, ikatan Relawan Rakyat (RELA) telah mempunyai sebanyak 26,191 yunit.
- (b) Sebanyak 15,000 yunit RELA telah dibekalkan dengan senapang patah.
- (c) Bergantung kepada keadaan keselamatan tempatan seperti ancaman komunis, penyeludupan barang-barang dan kemasukan orang luar secara haram ke negara ini, pemberian senapang patah adalah antara 1 hingga 10 pucuk bagi satu-satu yunit. Walau bagaimanapun, ada juga anggota RELA yang sudah sedia mempunyai senapang patah sendiri yang digunakan bagi tujuan dan tugas-tugas RELA.
- (d) Pemberian peluru dibuat dari masa ke semasa antara 50 hingga 250 butir bagi satu-satu yunit dan ini juga adalah bergantung kepada keadaan keselamatan tempatan. Walaupun mereka boleh dibenarkan membeli peluru secara bersendirian.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi telah mengatakan bahawa daripada 26,191, kalau saya tidak silap yunit yang telah ditubuhkan setakat 31hb Ogos, 1978 sebanyak 15,000 telah dibekalkan senapang patah. Saya ingin tahu bakinya itu bila hendak bagi?

**Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:** Itu bukan ditimbang dari masa ke semasa menurut keperluan dan keadaan.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sedikit iaitu adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa hasil dari pilihanraya baharu-baharu ini ada tanda-tanda yang menunjukkan ahli-ahli RELA ini terdiri daripada orang-orang yang menentang Kerajaan. Jika Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bermaksud hendak mengakji keanggotaan ahli-ahli RELA ini dari satu masa ke satu masa dan menyusun semula unit-unit yang telah ditubuhkan.

**Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli RELA adalah terdiri daripada segenap lapisan rakyat di negeri ini dan memanglah daripada berbagai-bagai parti dan sebagainya, dan pihak jabatan RELA akan mengkaji perkara ini dari semasa ke semasa.

**Tuan Awang bin Jabar:** Soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bercadang hendak menambahkan elaun kepada anggota-anggota RELA yang diberi tugas sepenuh masa di dalam mengawal orang-orang pelarian Vietnam umpamanya seperti yang berlaku di Trengganu.

**Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, itu boleh ditimbangkan.

**Tuan Yusof bin Malim Kuning:** Soalan tambahan. Barangkali pihak Kerajaan hendak membekalkan tiap-tiap unit itu senjata mungkin susah. Pada suatu masa dahulu Kerajaan mengatakan sesiapa yang menjadi ahli RELA mudah untuk membeli senjata. Adakah perkara ini benar, kalau benar kenapa banyak ahli-ahli RELA yang hendak membeli senjata tidak dapat.

**Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, permohonan untuk membeli senjata samada daripada ahli RELA ataupun tidak adalah ditimbang menurut keadaan dan keperluan seseorang itu.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Satu, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar dengan adanya senjata tetapi latihan tidak cukup kadang-kadang merbahayakan balik kepada yang memegang senjata. Dengan itu soalan tambahan saya, adakah

Kementerian yang berkenaan bercadang hendak mengadakan latihan kepada ahli-ahli RELA sebagaimana yang telah diadakan latihan kepada tentera tempatan seminggu sekali dan diberi elaun yang agak berpatutan khasnya kepada yang diberi senjata.

**Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, sememangnya latihan-latihan menembak bagi anggota-anggota RELA diadakan dari masa ke semasa kepada semua anggota-anggota RELA, dan sememangnya menjadi hasrat pihak Kementerian akan meneruskan latihan-latihan ini kepada anggota-anggota RELA pada masa hadapan. Dan berhubung dengan elaun pula bolehlah ditimbangkan menurut keadaan.

**Tuan Umar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi penjelasan iaitu kerana kekeliruan timbul, pihak RELA mengatakan bahawa senjata itu boleh digunakan untuk mengawal musuh-musuh termasuk musuh-musuh tanaman. Akan tetapi pihak Jabatan Mergastua pula tidak membenarkan ahli-ahli RELA kita menembak babi, tupai dan lain-lain lagi.

Yang kedua, saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu berapa lamakah senjata-senjata api yang telah diperuntukkan kepada ahli-ahli RELA akan disampaikan kepada ahli-ahli RELA. Kerana berlaku di kawasan saya ahli-ahli RELA telah diberikan lesen, senapang telah ada di Balai Polis hampir dua tahun tetapi sampai sekarang pun belum diserahkan lagi.

**Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, sekiranya hendak digunakan senapang RELA atau sebagainya untuk menembak atau memburu binatang-binatang maka kebenaran hendaklah didapati daripada Pengawal Mergastua. Dan jika dapat kebenaran itu sememangnya ahli-ahli RELA atau sesiapa juga dapat menggunakan senapang itu untuk memburu. Jika tidak, dia hanya boleh dibenarkan digunakan untuk mencegah binatang-binatang buas sebagaimana tupai, babi hutan dan sebagainya daripada membinasa tanaman-tanaman anggota-anggota RELA itu dan selepas itu hendaklah dilaporkan kepada pihak yang berkenaan tentang kegunaan senjata, berapa banyak peluru yang telah digunakan dan sebagainya.

Tentang lama masa hendak mendapat senjata, ini adalah bergantung kepada adanya senjata kerana senjata ataupun senapang patah ini tidaklah cukup untuk diberi kepada seluruh anggota RELA di seluruh negara kita ini, dan di setengah-setengah tempat ataupun negeri pula sekiranya ada senjata pelurunya tidak ada untuk diberikan kepada anggota RELA yang telah mendapat senapang itu. Ini sebagaimana saya katakan tadi akan ditimbangankan menurut banyaknya senapang ada pada jabatan itu.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:**

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan samada beliau sedar ataupun tidak, apabila RELA ini dilancarkan adalah untuk seluruh negara iaitu di luar bandar dan di dalam bandar. Tetapi keadaan yang saya lihat pada hari ini cuma RELA ini kerja-kerjanya yang aktif banyak dilakukan di luar bandar sahaja, walhal di dalam bandar suatu ketika kad-kad pengenalan mengenai RELA ini telah juga diberi kepada beberapa orang dalam beberapa kawasan tetapi tidak bergerak apa-apa. Memandangkan keadaan ini, sukacita saya hendak minta penjelasan samada Kementerian hendak menghidupkan balik segala aktiviti-aktiviti RELA ini bukan sahaja di luar bandar bahkan juga di dalam kawasan bandar.

**Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:**

Tuan Yang di-Pertua, pada permulaan penubuhan pasukan RELA ini adalah ditumpukan kepada kawasan-kawasan luar bandar yang mana keutamaan adalah juga diberi kepada kawasan-kawasan keselamatan dan kawasan-kawasan sensitif umpamanya di perbatasan ataupun di tepi-tepi pantai untuk mengawal musuh-musuh atau pihak-pihak subversif dan sebagainya. Itulah dasar penubuhan RELA pada mulanya. Dan pihak Kementerian tidak keberatan untuk menimbang penubuhan RELA di mana-mana sahaja tempat yang difikirkan perlu sekiranya keadaan keselamatan berkehendakkan demikian samada dalam bandar ataupun di luar bandar.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini soalan tambahan yang akhir.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Soalan tambahan. Sejak RELA ini diwujudkan kesan yang kita dapati daripada RELA ini terutama sekali di kawasan sempadan di antara Kelantan dengan Thailand adalah memuaskan, dan saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan, memandangkan rekod-rekod anggota RELA yang saya sebutkan tadi adakah lebih kalau sekiranya pihak Kementerian menimbangankan supaya setiap anggota RELA di kawasan sempadan dan kawasan-kawasan sensitif ini setiap anggota diberi selaras senapang patah.

**Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:**

Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun menjawab soalan tentang cara-cara pemberian senapang patah ini, keutamaan adalah diberi kepada kawasan-kawasan sensitif dan juga kepada banyaknya senjata yang ada pada pihak RELA. Pada masa ini senjata adalah tidak mencukupi untuk diberi kepada semua anggota-anggota RELA di negeri-negeri termasuklah di kawasan-kawasan sempadan. Walau bagaimanapun, di kawasan-kawasan sempadan mengikut fahaman saya pemberian senjata itu lebih banyak daripada tempat-tempat yang lain.

## USUL-USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini akan ditangguhkan hari ini pada pukul 5.00 petang.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini akan ditangguhkan hari ini pada pukul 5.00 petang.

## UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kelima.” (12hb Oktober, 1978).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah memulakan ucapannya pada masa Dewan ini ditangguhkan pada petang semalam. Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat itu untuk meneruskan ucapannya.

3.26 ptg.

**Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun sekali lagi untuk menyambung ucapan saya semalam.

Tuan Yang di-Pertua, semangat cintakan negara dan bangsa hendaklah selalu ditekan. Hakikat yang nyata dapat dibuktikan. Pemandang-pemandang baru selalu menekankan bahawa mereka sebagai warganegara Malaysia, tetapi hanyalah menanam tebu di bibir sahaja. Mereka berkehendakkan berbagai hak dan kemudahan, tetapi tidak dapat menyesuaikan diri dalam konteks perpaduan negara.

Di luar negeri pendatang-pendatang baru ini selalu memburuk-burukkan negaranya sendiri. Taat setia mereka adalah sangat diragukan. Adalah menjadi harapan saya bahawa Jabatan Perpaduan Negara hendaklah memainkan peranan yang begitu kuat sekali supaya pendatang-pendatang baru ini

dapat menyesuaikan dirinya dalam menyesuaikan semangat perpaduan. Orang-orang Amerika bangga yang ia “American” walaupun mereka itu terdiri dari berbagai bangsa dan keturunan, ini termasuklah juga orang-orang Negro yang dapat menyesuaikan dirinya sebagai American.

Walaupun begitu kita berharap semangat kerjasama dari parti-parti politik tanahair kita hendaklah saling membantu membangunkan negara dalam semangat perpaduan. Kita tahu ada parti-parti politik memainkan peranannya untuk memecahkan perpaduan yang sedia ada. Sekiranya ini tidak diawasi, saya khuatir negara kita akan menemui zaman yang gelap di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh sedikit mengenai perjalanan jentera pentadbiran Kerajaan. Kita tahu jentera Kerajaan adalah berjalan dengan baik dan teratur. Namun begitu, dalam keadaan yang serba kompetitif, kakitangan Kerajaan hendaklah menyesuaikan dirinya dengan lebih berkemajuan lagi.

Apa yang saya maksudkan di sini ialah bahawa terdapat dua orang pegawai tinggi Kerajaan kita yang telah dapat menunjukkan rekod yang cemerlang sehingga ditakuti dan disegani oleh pegawai-pegawainya. Kita hendakkan bukan sahaja Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan dan Pengurus Besar Keretapi Tanah Melayu, tetapi ramai lagi pegawai-pegawai yang boleh menunjukkan sikap dedikasi yang tinggi terhadap Kerajaan dan negara.

Saya ingin mengesyorkan kepada Kerajaan supaya tempat-tempat yang berkaitan dengan punca yang mendatangkan hasil negara, seperti Jabatan Kastam, Pelabuhan, Pejabat Tanah dan apa juga Pejabat yang berkait dengan orang ramai, pengawasan yang rapi dan ketat hendaklah dilakukan. Kita tidak mahu adanya berlaku penyelewengan di tempat-tempat yang penting itu, kerana punca hasil negara adalah tempat yang paling mustahak sekali.

Terdapat juga pegawai-pegawai yang kurang minat dalam menjalankan tugasnya, bukan sahaja cuai dan lembab tetapi juga malas.

Di Pejabat Tanah misalnya, satu-satu surat yang hendak dijawab memakan masa berbulan-bulan lamanya. Adalah mustahil surat-surat biasa tidak dapat dijawab dengan

mudah, kecualilah hendak mengeluarkan surat pindah milik (Q.T.). Ini saya akui memakan masa sedikit, tetapi tidaklah sampai bertahun sesuatu surat pindah milik dapat dikeluarkan.

Sekiranya ini tidak diawasi dan diatasi, saya percaya proses ini tidak dapat bergerak dengan lancarnya. Ia bukan sahaja melibatkan pembangunan, malah melambatkan pertumbuhan ekonomi di sesuatu tempat itu. Satu bukti yang nyata ialah pembangunan Shah Alam. Pembangunannya bukan sahaja lambat, tetapi menyulitkan.

Saya ingin mengesyorkan supaya pegawai-pegawai yang terlibat dengan orang ramai, kalau dapat mereka ini dihantar atau dilatih sambil belajar di bank-bank perdagangan tentang bagaimana mereka bertugas dalam urusan hariannya di mana tiap-tiap hari akaunnya mesti siap dan beres. Mungkin latihan dan tinjauan seperti ini akan memberi kesedaran yang meluas terhadap tugas-tugasnya bagaimana kemajuan sepatutnya dilakukan, daripada hanya menanti untuk diberi tugas, barulah kerja itu dilakukan. Sikap "tidak apa" oleh pegawai-pegawai yang seperti ini akan merosakkan imej Kerajaan.

Untuk memastikan jentera pentadbiran ini berjalan dengan licin dan betul, Perintah Am Chapter "D" hendaklah betul-betul dilaksanakan. Surat-surat amaran sahaja tidak memadai. Sekiranya ada pegawai-pegawai tinggi yang dikenakan di bawah peraturan Perintah Am Chapter "D" itu, saya percaya ia akan membuka mata kepada pegawai-pegawai lain untuk bekerja dengan lebih ber-sungguh-sungguh dan berdedikasi lagi.

Sekiranya Kerajaan bersikap tegas dalam perkara ini, semangat dedikasi dan lebih bertanggungjawab akan dapat terjamin.

Terlanjur saya menyentuh mengenai pentadbiran jentera Kerajaan, saya ingin menarik perhatian Kerajaan tentang tanggungjawab Jawatankuasa Kabinet yang sehingga sekarang ini masih melayan surat-surat dari pegawai-pegawai Kerajaan. Terdapat pegawai-pegawai yang menghantar ke Jabatan Perkhidmatan Awam (J.P.A) berkali-kali, ada yang sampai tiga empat kali, setelah ditolak oleh J.P.A., tetapi mereka masih menghantar rayuan yang baru. Ini boleh menyebabkan banyaknya kerja-kerja pentadbiran yang terpaksa dilakukan.

Saya rasa telah sampai masanya Kerajaan mengumumkan bahawa mereka yang telah ditolak beberapa kali itu, hendaklah dirojokkan kepada Bahagian Anomali, iaitu Tribunal. Satu tarikh tutup mengenai pengumuman ini hendaklah diumumkan. Ketidaka puasan hati tentulah akan timbul di mana-mana juga di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia juga menyentuh mengenai belia yang melibatkan diri dengan dadah. Kita akui bahawa belia adalah tiang negara. Sekiranya belia kita rosak dengan masalah dadah, maka negara kita juga akan menerima akibatnya.

Malaysia adalah terkenal di seluruh dunia. Malaysia bukan sahaja terkenal dengan getah asli dan bijih timahnya, tetapi juga terkenal dengan dadahnya. Telah menjadi pengetahuan umum di dunia bahawa rakyat Malaysia yang pergi ke luar negeri terutama di Eropah, adalah dijaga dengan rapi dan ketat, kerana penyeludupan dadah adalah menjadi benteng pertahanan mereka. Sebut sahaja nama "Malaysian", ia akan diperiksa dengan begitu ketat, sehingga orang yang tidak bersalah pun terlibat sama dengan pemeriksaan seperti itu. Ini disebabkan bahawa "kerana nila setitik, rosak susu sebelanga".

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengesyorkan bahawa pengedar-pengedar dadah, walau apa bentuk sekalipun, apabila cukup dengan buktinya, hukuman gantung sampai mati hendaklah dikenakan. Hukuman sebat dan penjara seumur hidup, tidak menakutkan orang ramai. Sekiranya hukuman mati dapat dikenakan, saya percaya pengedar-pengedar dadah ini dapat dibentasi. Singapura dan Thailand telah mengenakan hukuman mati kepada pengedar-pengedar dadah. Sekiranya pengedar-pengedar dadah sayangkan nyawanya, saya percaya mereka akan berfikir banyak kali sebelum melakukan kerja yang terkutuk ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan terpaksa membelanjakan wang kepada seseorang pesalah itu tidak kurang dari \$8 sehari. Ini bermakna dalam setahun Kerajaan kena membelanjakan wang untuk seorang salah itu sebanyak \$2,920. Bukan sahaja terpaksa dibelanjakan wang rakyat, tetapi juga kena menyediakan tempatnya. Ini satu perkara yang serius dan perlu mendapat perhatian Kerajaan.

Dalam pada itu saya juga ingin mengesyorkan bahawa kepada orang-orang Islam, Kerajaan boleh mengatakan bahawa "dadah ini serupa dengan daging babi, kerana ianya haram". Bagi orang Islam, ia telah menjadi pegangan dan pedoman bahawa daging babi itu adalah haram dimakan, sehingga dekat pun mereka tidak mahu—sampai begitu sekali kesan pengaruhnya. Jika ini dapat dititik-beraikan, saya percaya, sekurang-kurangnya dapat meyakinkan orang-orang Islam bahawa "dadah itu haram", ia serupa dengan "daging babi". Saya minta maaf kepada orang-orang yang bukan Islam kerana menyentuh perkara ini.

Saya berharap Kerajaan akan lebih tegas dalam menjalankan hukuman yang berat ini. Rakyat akan bersama-sama menyokong Kerajaan dalam membentasi kegiatan pengedar-pengedar dadah ini dan juga saya ingin mengesyorkan supaya Kerajaan mengadakan "tawaran hadiah yang istimewa" sekiranya tertangkapnya pengedar-pengedar dadah ini. Tawaran hadiah ini serupalah juga dengan tertangkapnya penjenayah sepertimana yang dikehendaki oleh Polis. Mata dan telinga orang ramai akan sentiasa memerhati dan mendengar di mana adanya pengedar-pengedar dadah itu berada. Strategi seperti ini mungkin akan berkesan, sepertimana maklumat-maklumat yang didapati akan adanya penganas kominis di sesuatu tempat untuk diburu oleh Pasukan Keselamatan kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah membasmi kemiskinan, Dasar Ekonomi Baru hendaklah dilaksanakan sepenuhnya tanpa diubah bentuk asalnya. Kita tidak mahu oleh kerana segelintir manusia yang mabukkan kuasa, maka kita terpaksa mengubah mengikut selera dan nafsu partinya. Saya tidak nampak apakah sebab ianya mesti dikaji semula. Dasar ini telah diterima oleh suara terbanyak di dalam Dewan ini yang mewakili rakyat negeri ini. Maka adalah menjadi harapan saya supaya Kerajaan tidak teragak-agak mempercepatkan perakuan menyusun semula masyarakat berbilang bangsa di negara kita ini supaya matlamat kita dapat dicapai sepertimana yang ditetapkan.

Kita mestilah ingat bahawa pendapatan orang-orang kampung masih lagi ke paras yang lama, iaitu kurang daripada \$100 sebulan. Orang-orang luar bandar adalah menjadi tulang belakang Kerajaan Barisan Nasional yang mewakili 75% penduduk di negara ini. Adalah perlu dan mustahak, apa

juga bentuk bantuan, hendaklah dilipatgandakan supaya orang-orang di luar bandar juga dapat merasai nikmat pembangunan negara.

Bot-bot nelayan, penangkap-penangkap ikan, belia-belia peladang, pesawah-pesawah, hendaklah diberi bantuan subsidi dengan secukupnya, di mana yang kurang, hendaklah ditambahkan bantuan mereka.

Mereka juga adalah rakyat yang perlukan pertolongan dan bantuan Kerajaan. Pengawasan dan penyeliaan dari pegawai-pegawai Kerajaan dalam memberikan bantuan subsidi ini adalah perlu, kerana mereka perlu dibimbing untuk menjalankan sesuatu kegiatannya.

Tuan Yang di-Pertua, hanya satu harapan saya, iaitu perpaduan negara tidak akan dapat dicapai, sekiranya tidak ada keseimbangan ekonomi antara kaum di negara ini dilaksanakan.

Akhirnya, saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kerana diberi peluang kepada saya berucap dan saya berharap bahawa pandangan-pandangan saya ini akan dapat diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Sekianlah sahaja, dan saya menyokong dengan sepenuhnya usul ini.

3.37 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Saya bangun untuk turut sama membahaskan usul Ucapan Terima Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Baginda di waktu merasmikan sidang Penggal Pertama, Parlimen Yang Kelima ini.

Tuan Yang di-Pertua, selepas saya mendengar ucapan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu semalam dan juga ucapan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat dari kawasan Kinabalu, saya mendapat satu gambaran dan gambaran itu ialah Ahli-ahli Yang Berhormat itu adalah bersikap sebagai tidak toleransi terhadap pandangan-pandangan dari parti Pembangkang—pandangan-pandangan yang bukan anti-rakyat, yang bukan anti-negara tetapi pandangan-pandangan yang telah dibuat oleh parti Pembangkang, parti DAP atas kepentingan rakyat, atas kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak dapat dinafikan bahawa saya dan rakan-rakan saya di sebelah sini telah dipilih oleh rakyat dalam pilihanraya umum baru-baru ini oleh kerana rakyat mahu suara dan pandangan mereka iaitu suara dan pandangan Oposisi dapat dilafaz dan didengar di dalam Dewan ini.

Di dalam satu masyarakat yang bercorak demokrasi, pandangan-pandangan berbeza (differences of opinion) mesti timbul dan sebagai sebuah parti pemerintah, parti Barisan Nasional patut bukan sahaja mengakui dan mengiktirafkan konsep ini tetapi yang lebih penting, yang lebih mustahak ialah mereka patutlah menunjukkan satu sikap toleransi terhadap pandangan-pandangan daripada pihak Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah meneliti Titah Di Raja dengan harapan untuk mendapatkan satu persepsi baru berhubung dengan peranan yang dimainkan oleh Kerajaan berkaitan dengan masalah-masalah pokok dan utama yang dihadapi oleh Malaysia dan pengarahannya polisi baru Kerajaan. Yang jelas hasilnya tidak begitu menggalakkan.

Dari Titah Di Raja itu, kami yakin dengan kepercayaan kami bahawa Kerajaan masih tidak dapat menguasai masalah asas politik, ekonomi, sosial, kebudayaan dan pelajaran di negara ini yang mana hari ini masih menjadi satu issue yang mencabar Malaysia walaupun telah mencapai kemerdekaan 21 tahun.

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bertitah, Baginda berasa amat sukacita terhadap perjalanan dan pelancaran pilihanraya umum yang baru ini. Meskipun pilihanraya umum telah berlalu, saya akan gagal dalam menjalankan peranan saya sebagai seorang yang dipilih oleh rakyat sekiranya saya tidak berucap secara bebas dan jujur pandangan kami sebagai Pembangkang mengenai pilihanraya umum.

Tuan Yang di-Pertua, pilihanraya umum tahun 1978 akan tercatat di dalam sejarah politik tanahair barangkali satu pilihanraya yang paling tidak berdemokratik pernah diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, pilihanraya umum bukan sahaja bertujuan menetapkan satu tarikh di mana rakyat dapat keluar membuang undi mereka, tetapi yang lebih mustahak ialah pilihanraya umum itu adalah me-

liputi proses di mana rakyat diberi peluang untuk membuat pengadilan sendiri mengenai rekod Kerajaan, mendengar, menimbangkan program-program dan polisi-polisi parti untuk membuat keputusan mereka parti manakah yang mereka patut mengundi dan layak diberi satu mandate. Lebih penting daripada itu tujuan pilihanraya umum diadakan ialah untuk memenuhi kehendak demokrasi dan bukan melemahkannya. Tetapi di dalam masa pilihanraya umum 1978 asas norma-norma (norms) dan konsep demokrasi telah dicabul oleh mereka yang kononnya mahu melihat negara ini benar-benar mengamalkan konsep demokrasi.

Pilihanraya umum juga bertujuan memberi satu kesempatan kepada rakyat menyuarakan sikap mereka terhadap polisi-polisi Kerajaan. Di dalam sebuah negara demokrasi parti pemerintah hendaklah menerima hasrat dan sikap serta kehendak rakyat dan memberikan penyesuaian yang perlu kerana ini ialah sebenarnya bermakna demokrasi bertindak.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang ditunjukkan dengan jelas oleh para pengundi dalam pilihanraya baru-baru ini bahawa mereka mahukan perubahan dalam ekonomi dan pembangunan polisi-polisi negara. Kerajaan hendaklah melaksanakan permintaan dan hasrat mereka itu. Kerajaan terutama sekali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendaklah memberi perhatian kepada permintaan dan suara rakyat ini sebagaimana yang dilahirkan dalam pilihanraya umum. Dan jika parti Barisan Nasional menghormati demokrasi serta pandangan rakyat mereka sudah sepatutnya memandang berat terhadap kehendak rakyat seperti yang dilahirkan pada 8hb Julai tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia mempunyai kepercayaan penuh dan mengakui konsep demokrasi berparlimen tetapi malangnya ini tidak diberi pembalasan yang setimpal dengan kepercayaan dan penghormatan mereka terhadap konsep dan amalan-amalan demokrasi berparlimen di negara kita ini. Sebagai hasilnya beratus-ratus ribu warganegara Malaysia yang layak mengundi telah tidak dapat membuang undi mereka bukan kerana kesalahan mereka sendiri tetapi kerana peluang yang diberikan kepada mereka untuk mendaftar diri sebagai seorang pemilih tidak mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian timbul pula soal-soal di mana pengundi-pengundi yang telahpun pernah mengundi pada tahun-tahun yang lepas telah mendapati yang mana mereka telah tercicir dari senarai daftar pemilihan tanpa diberikan apa-apa sebab.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini di mana para pengundi yang telah mendaftarkan diri sebagai pemilih dan pernah pula mengundi sebelum ini serta tidak terdaftarnya warga-negara yang sudah meningkat umur 21 tahun ke atas adalah merupakan dua faktor utama yang disisikan dari kebaikan pilihanraya umum tahun 1978 sebagai yang adil, teratur dan perjalanan yang sah akan kehendak politik dan hasrat rakyat Malaysia.

Apa yang memeranjatkan ialah tidak ada penyiasatan di peringkat atas untuk mencari sebab-sebab kehilangan pengundi itu ataupun sistem pemilihan di mana berlakunya skandal seumpama itu sama seperti yang berlaku dalam pilihanraya umum tahun 1974 yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang patut dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini ialah berhubung dengan penolakan beramai-ramai yang tidak adil, calon-calon baikpun dari parti Barisan Nasional mahupun dari parti Pembangkang. Pada hari pencalunan dalam pilihanraya umum yang baru lalu, mereka telah ditolak atas alasan yang sangat lemah dan tidak patut, telah menolak sesuatu yang bernilai bagi orangramai di banyak kawasan terhadap hak demokrasi mereka untuk memilih siapakah yang sepatutnya mewakili mereka. Penolakan tidak adil beramai-ramai calon-calon pada hari penamaan calon adalah satu kesilapan serius terhadap kecekapan Suruhanjaya Pilihanraya untuk menjalankan pilihanraya umum yang benar-benar bermakna.

Pencalunan hanya boleh ditolak jika terdapat penipuan atau salah penyampaian dan bukan atas sebab-sebab yang lemah dan kecil iu. Berhubung dengan perkara di atas, perlulah langkah-langkah diambil untuk memudahkan—"to simplify" cara-cara penamaan calon supaya lebih banyak calon-calon dapat bertanding di dalam pilihanraya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Diraja Baginda telah bertitah tentang perlunya memperkuatkan lagi perpaduan di kalangan rakyat. Kami dari pihak DAP sependapat bahawa mesti wujud perpaduan dan persefahaman di kalangan rakyat kerana tanpanya

kita tidak akan mampu menghadapi berbagai-bagai cabaran yang berada di hadapan kita ini. Tetapi soalnya sekarang ialah bagaimana kita dapat mencapai perpaduan nasional. Perpaduan nasional tidak akan dapat diwujudkan dengan hanya melaung-laungkan beribu atau berjuta-juta kali, ia hanya dapat diwujudkan jika sekiranya seluruh nada polisi ekonomi, politik, sosial, kebudayaan dan pelajaran Kerajaan digubal untuk menyatukan daripada untuk membahagi-bahagikan rakyat yang berbilang kaum di negara ini. Adalah menjadi keyakinan kami bahawa cara lain yang sesuai bagi melahirkan perpaduan negara di negara ini ialah dengan menjadikan demokrasi sebagai satu cara hidup rakyat Malaysia dalam semua bidang penghidupan. Perkara-perkara di bawah ini mestilah dimasukkan dalam mewujudkan demokrasi sebagai cara hidup rakyat Malaysia.

Pertama, menjadikan demokrasi dalam proses politik di mana parti-parti politik hendaklah bebas dari gangguan Polis atau Kerajaan dalam menjalankan kegiatan mereka.

Kedua, pendemokrasian dalam Parlimen dan juga dalam Dewan Undangan Negeri dengan membenarkan Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri peluang dan kebebasan untuk menyuarakan kecurigaan, harapan dan aspirasi rakyat.

Ketiga, pendemokrasian kuasa-kuasa Polis dengan menghapuskan Akta Keselamatan Dalam Negeri dan semua undang-undang yang menyekat kebebasan fundamental rakyat.

Keempat, pendemokrasian Kerajaan-kerajaan Tempatan dengan mengadakan pilihanraya municipal, bandar dan Majlis Tempatan yang dipilih.

Kelima, pendemokrasian hidup kebudayaan di Malaysia supaya semua bentuk kebudayaan kaum di negara ini dapat membangun dengan bebas dan berkembang.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga dan melainkan rancangan pendemokrasian ini tercapai kami tidak akan dapat melihat bagaimana perpaduan nasional dapat diwujudkan di negara ini. Malaysia telahpun meningkat umur 21 tahun dan kita harus mendapat tahu samada kita semakin berpadu sejak merdeka atau semakin berpecah-belah.

Tuan Yang di-Pertua, tugas membangun negara ke arah pelbagai kaum, pelbagai kebudayaan, pelbagai agama adalah merupakan satu proses yang lama, satu proses yang panjang; mungkin memakan masa sehingga beberapa jenerasi yang akan datang. Tetapi sungguhpun perpaduan nasional tidak dapat diwujudkan dalam jangka waktu satu jenerasi, kami berasa bahawa 21 tahun adalah jangka waktu yang panjang bagi kita untuk meneliti dan mengukur kejayaan Kerajaan dalam polisi pembangunan bangsa dan rakyat Malaysia. Jika kita merasakan bahawa sebab kembalinya Barisan Nasional dengan majoriti  $\frac{2}{3}$  itu semua polisinya diterima oleh rakyat, bahawa tidak ada kesilapan yang dilakukan oleh Kerajaan atau polisinya, jika kita berfikir demikian ia hanya akan melahirkan rasa mudah puas hati dan ini tidak akan menguntungkan, memperbaiki suasana politik dan kesejahteraan negara. Apa yang mesti dilakukan oleh Kerajaan ialah menjalankan kajian teliti, kajian yang mendalam terhadap polisi pembangunan bangsa sejak merdeka dahulu.

Saya menyeru Kerajaan menjalankan rombakan terhadap dasar pembangunan negara untuk mencari sebab mengapa dalam tempoh genap 20 tahun sejak mencapai kemerdekaan kita masih belum dapat mewujudkan perpaduan nasional. Pada pendapat saya perpaduan nasional adalah sangat penting tanpanya tidak akan ada pembangunan nasional. Tidak dapat dinafikan lagi bahawa perpaduan nasional masih belum tercapai di negara kita. Saya fikir Kerajaan mesti mencari sebab-sebab dan bagaimana dasarnya gagal menyumbangkan ke arah mewujudkan perpaduan nasional di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin sentuh di sini ialah parti kami, parti DAP menyeru sekali lagi kepada Kerajaan supaya menubuhkan satu Suruhanjaya Penyasatan Di Raja untuk menyiasat kesemua persoalan perpaduan nasional sempena dengan kemerdekaan 21 tahun negara ini, masalah dan prospek supaya kita dapat merangka dengan bijaksana dasar-dasar nasional yang dapat melahirkan persefahaman bersama dan membawa kepada perpaduan di kalangan rakyat. Kita tidak dapat membuang masa lagi, kita sewajarnya berusaha mencari jalan dan mengetahui sebab dan alasan kenapa kita masih belum mampu mewujudkan perpaduan nasional dan mengambil langkah-langkah yang positif yang tegas untuk mengatasi.

Tuan Yang di-Pertua, pemimpin-pemimpin Barisan Nasional sering merujuk kepada masalah polarisasi kaum. Bahawa kewujudan polarisasi kaum di negara ini memang tidak dapat dinafikan. Tetapi kita harus ingat bahawa polarisasi kaum di Malaysia telah pun dicipta bukan kerana hasil pilihanraya tahun 1978 sebagaimana yang didakwa oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, tetapi kerana lalai dan melupakan kehendak serta aspirasi semua kaum di negara ini sejak lama dahulu.

Hasil pilihanraya umum tahun 1978 sebenarnya tidak mencipta polarisasi kaum, tetapi adalah semata-mata mengesahkan bahawa masalah polarisasi kaum itu disebabkan oleh dasar pembangunan nasional Kerajaan sekarang. Polarisasi kaum mesti dibenteras demi kepentingan dan "survival" negara ini sebagai sebuah negara yang berbilang kaum dan ianya hanya dapat dibenteras oleh pengakuan Kerajaan bahawa wujudnya rasa tidak puas hati kaum-kaum dalam negara ini dan ini mestilah diselesaikan. Demi kepentingan perpaduan nasional, kami menyeru Kerajaan jangan menolak aduan-aduan rakyat dari berbilang kaum dan kelas di Malaysia. Kami dalam DAP sentiasa sedia memberikan kerjasama untuk mengatasi masalah dan halangan-halangan terhadap pembangunan nasional.

Tuan Yang di-Pertua, inilah juga merupakan sikap DAP selama ini dan itulah sebabnya kami bersedia bekerjasama dengan sesiapa untuk membantu membangunkan satu negara Malaysia atas dasar keadilan dan kesaksamaan untuk menyelamatkan demokrasi, untuk memerangi kemiskinan dan eksploitasi kelas, untuk menjunjung hak asasi manusia dan memerangi rasuah. Kami bukanlah pembangkang yang bersifat membangkang semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Di Raja telah menyebut tentang membaharui sistem dan alatan yang meliputi seluruh jentera Kerajaan. Perlu diingat kembali bahawa tidak lama dahulu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah juga membuat seruan supaya jangan mementingkan diri kepada semua kakitangan yang berkhidmat samada kepada rakyat mahupun Kerajaan. Dan pada masa Soal-Jawab di dalam Dewan ini pada hari semalam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun ada menyebut tentang cara-cara yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memodenkan jentera pentadbiran Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sementara kita mengalu-alukan seruan dan langkah-langkah itu, bagaimanapun adalah penting ialah seruan supaya berkhidmat tanpa ada kepentingan diri sendiri itu hendaklah dilaksanakan di semua peringkat Perkhidmatan Awam daripada Ketua-ketua Kementerian dan Jabatan hinggalah kepada Budak Pejabat, samada di peringkat Pusat mahupun Negeri. Adalah tidak bermakna seruan itu dibuat semata-mata untuk digemakan tetapi bila rakyat mengharap perkhidmatan yang puas hati itu tidak pula dapat dinikmati oleh mereka. Malangnya hari ini aduan-aduan masih lagi kedengaran di kalangan rakyat bahawa jentera pentadbiran Kerajaan masih jauh dari memuaskan. Sebagai seorang Wakil Rakyat, saya sering menerima aduan tentang kelemahan jentera pentadbiran Kerajaan dengan adanya penagguhan dan red-tape serta berbagai-bagai tindakan-tindakan birokratik. Pejabat Tanah adalah salah satu contoh di mana aduan-aduan seumpama itu sering dilahirkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah membuat dakwaan kosong tetapi saya mempunyai bukti-bukti terhadap kenyataan yang dibuat oleh saya. Saya tidak menafikan bahawa adanya kakitangan awam yang bekerja keras serta dengan dedikasi tetapi masih ada lagi mereka yang perlu diperbaiki perkhidmatan mereka. Kami dalam DAP sentiasa menganjurkan supaya kakitangan awam hendaklah berdisiplin, berdedikasi dan tidak mementingkan diri dalam menjalankan khidmat mereka kepada negara terutamanya kepada rakyat khasnya rakyat yang miskin. Sekarang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pula telah berucap mengenai harapannya kepada kakitangan awam supaya kerja tanpa ada kepentingan diri. Adalah juga menjadi harapan kami bahawa seruan itu akan dapat dilaksanakan dan kami dapat dan juga semua rakyat dapat lihat satu pentadbiran Kerajaan yang licin, yang baik, yang dapat bergerak untuk kepentingan rakyat di negara ini. Rakyat bukan hanya mahu mendengar cakap-cakap sahaja tetapi apa yang lebih mustahak ialah semua ini dapat dilaksanakan dengan cara yang berkesan.

Satu lagi perkara yang saya ingin sentuh di sini ialah bahawa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga telah bertitah mengenai dasar baru pertanian bagi mengatasi kemiskinan di negara kita. Pada pendapat saya pertanian adalah anak kunci kepada

penyelesaian masalah kemiskinan rakyat di luar bandar di negara kita. Apa yang kita perlukan hari ini ialah satu polisi pertanian yang dinamis dan yang positif dan yang bermatlamat membuka lebih banyak tanah-tanah baru dan menempatkan mereka yang berke-sanggupan di kawasan baru itu tanpa mengira kaum untuk membangunkan tanah-tanah tersebut dan dengan ini dapat menyumbangkan kepada peningkatan hasil pertanian negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, polisi pertanian yang dinamis itu hendaklah juga memberikan tanah kepada mereka yang mengerjakannya, membantu petani-petani dalam meningkatkan hasil pertanian mereka dengan cara-cara pertanian moden dan lebih dari itu hendaklah mewujudkan reformasi tanah pertanian bagi memastikan pemilikan tanah kepada mereka yang sedia untuk menggunakan tanah yang telah diperuntukkan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa dukacita dengan Titah Di Raja yang tidak pun menyentuh tentang commitment Kerajaan dalam soal perumahan. Beberapa tahun yang lalu masalah perumahan di Malaysia terutama dalam Wilayah Persekutuan telah menjadi begitu meruncing di mana semakin ramai keluarga-keluarga yang berpendapatan rendah tidak dapat mencari tempat kediaman di rumah-rumah harga murah atau rumah pangsa. Masalah itu bertambah buruk lagi dengan adanya setingan-setingan dan juga sewa rumah yang mahal di Ibukota di mana kumpulan yang berpendapatan rendah mendapati sangat sukar untuk memiliki rumah sendiri. Kerajaan sewajarnya memberikan perhatian serious terhadap pembinaan rumah-rumah harga murah oleh sebab ini ialah satu jalan yang positif yang dapat diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat yang miskin yang perlu mendapat satu rumah untuk tujuan kediaman.

Satu perkara yang akhir yang saya ingin sentuh di sini ialah mengenai masalah dadah. Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah juga bertitah mengenai masalah penyalahgunaan dadah. Memang tidak dapat diragukan bahawa di samping langkah-langkah telah diambil oleh Kerajaan untuk memerangi penyakit penyalahgunaan dadah dalam negara kita, masalah itu jauh daripada dapat diatasi malahan semakin teruk dan apa

yang kita semua dapat lihat pada hari ini ialah masalah dadah telah merupakan satu masalah sosio-ekonomi yang begitu serious yang telah melibatkan kaum pemuda di negara kita ini.

Apa yang saya ingin mencadangkan di sini ialah saya harap bahawa selain daripada langkah-langkah yang telah diambil setakat ini oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah dadah di negara kita, saya rasa adalah sangat perlu supaya Kerajaan dapat menubuhkan satu Jawatankuasa Khas atau "High Powered Committee" untuk mengkaji dengan mendalam masalah dadah yang dihadapi oleh negara kita dan juga dapat membuat rekomen-si-rekomendasi kepada Kerajaan bagaimana masalah-masalah dadah ini dapat diatasi dengan cara yang lebih baik dan lebih efektif.

4.07 ptg.

**Puan Shariffah Dorah binti Mohammed (Semerah):** Bismillahir-rahmanir-rahim. Al-hamdulillah, saya mengucapkan berbilang-banyak syukur ke hadrat Allah (s.w.t.) yang mana dengan izin dan hidayahNya telah memberikan Barisan Nasional kejayaan yang cemerlang di dalam keputusan Pilihanraya Umum yang baru lalu hingga pemerintahan dengan cara permesyuaratan dapat dilaksanakan.

Saya merakamkan junjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang mana telah banyak memberikan kita aspirasi yang tinggi untuk menunai dan menyempurnakan tanggungjawab yang diamanahkan ke atas bahu kita semua. Seri Paduka Baginda telah mengingatkan bahawa dengan kemenangan majoriti dalam pilihanraya yang lalu bererti bahawa kita hanya baru berjaya merangkak naik ke atas mata tangga yang pertama dan akan terpaksa mendaki beberapa mata tangga lagi untuk mencapai ke mercu kejayaan. Untuk sampai ke kemuncak sudah tentu berbagai-bagai halangan dan rintangan serta duri dan ranjau yang akan kita hadapi.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita pergi ke kawasan pendalaman seperti Parit Bisu, Parit Kuda dan Parit Sidek serta lain-lain Parit lagi yang terdapat di Batu Pahat kita akan dapati bagi kawasan tanah liat airnya tidak ubah seperti kopi susu dan kawasan

gambut airnya masam, kelat dan hitam tidak ubah seperti kopi O. Semua orang akan menggeleng kepala dan berkata . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Kedua-dua air itu sedap! (*Ketawa*)

**Puan Shariffah Dorah binti Mohammed:** Air ini bukan untuk manusia tetapi air inilah yang digunakan untuk makan, minum, mencuci pakaian dari sejak 21 tahun merdeka. Barangkali semua pihak akur bahawa salah satu daripada alat yang efektif untuk membasmi kemiskinan dan menjadi rakyat yang baik ialah memenuhi dada dengan pelajaran dan ilmu pengetahuan, tetapi jika anak-anak Melayu yang tinggal di luar bandar dibiarkan terus-menerus belajar dengan menggunakan lampu minyak tanah yang mana, saya quote dalam bahasa Inggeris: "It will only conduce and induce them to sleep". Cahayanya adalah lebih memangsangkan untuk tidur. Kalau yang di bandar mabuk, khayal dengan ganja, dadah serta kebudayaan kuning; yang di luar bandar asyik dengan tidur dan minum air kotor—memang ranap.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat bumiputra Malaysia yang tinggal di pendalaman mata pencarian mereka ialah dengan jalan pertanian dan bercucuk tanam dan juga sebagai nelayan. Mereka ini kebanyakannya keturunan Jawa yang memang masyhur pintar, bijak dan berkebolehan dalam bidang pertanian lebih-lebih lagi dengan kemurahan dan timbang rasa pihak Kerajaan mengurniakan berbagai-bagai subsidi seperti baja, tunjuk ajar bimbingan dan pinjaman serta lain-lain lagi telah menjadikan satu catalyst bagi mempercepat dan menggandakan lagi hasil-hasil pertanian mereka melebihi apa yang ditunjuk ajar oleh Buku Hijau. Tidak ada seinci tanah gambut yang tinggal percuma tidak bertanam bahkan kesemuanya penuh dengan nenas, kelapa, kopi, tomato dan sayur-sayuran yang lain yang mana Rengit di Batu Pahat dianggap seperti Brazil Malaysia dikatakan pengeluaran "mocca coffee" yang terbesar di seluruh Malaysia. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, apabila tiba masa hendak dipasarkan harga sangatlah tidak memuaskan. Nenas dibeli oleh pemborong-pemborong bangsa asing setelah digred punya gred yang paling baik harga yang diberi 29 sen dan yang terjual di bandar Kuala Lumpur berharga 40 sen dan modal yang dibeli hanyalah dengan harga 4 sen sebiji. Saya berharap pihak FAMA dan Koperasi Peladang akan dapat memperbaiki dan memerhatikan hal ini.

Kebanyakan kawasan-kawasan pendalaman yang tanahnya gambut yang mana jika turun hujan kawasan ini akan mudah banjir dan hasil-hasil tanaman itu tidak dapat dipasarkan dan tidak tahan pula disimpan. Mari kita berfikir sejenak, daripada manakah mereka ini akan dapat perbelanjaan sesuatu makanan? Maka inilah sabda Rasulullah s.a.w. Kaadal Faqru an-yakuna kufuran: Hampir-hampirilah kefakiran itu membawa kepada kekufuran. Jika sekiranya kufur iman mereka akan berpaling tadah dan kufur nikmat mereka akan memperdagangkan maruah. Saya merasa amat khuatir, siang merasa bimbang, malam merasa tidak senang, andainya pembelaan yang segera tidak diberikan, berbagai-bagai kemungkinan akan terjadi. Saya anggap bahawa dilemma infrastructure ini adalah satu issue yang explosive. Saya nampak rakyat di pendalaman sukar hendak bersabar dan disabarkan lagi dalam perkara ini. Jalan keluar memang ada iaitu saya menyeru pihak Kerajaan supaya menambahkan lagi pegawai-pegawai dan kakitangan di Jabatan-jabatan yang terlibat supaya segala rancangan dapat dilaksanakan mengikut bagaimana yang dijadualkan.

Tuan Yang di-Pertua, setelah mereka ini yakni penduduk pendalaman membawa keluar hasil-hasil tanaman mereka dan tidak mendapat harga pasaran yang baik, mahu tidak mahu to make both ends meet, kalau ada barang-barang kemas sejanggut udang pun terpaksa mereka menggadaikannya. Bila sampai masa untuk menebus timbul pula satu masalah lagi iaitu masalah mengecuh dan menipu tentang bayaran faedah oleh kerana tulisan surat pajak gadai itu yang besarnya dengan bahasa Cina, maka perkataan 1½% itu ditukarnya dengan 3%. Dengan yang demikian, bunga sebanyak 3% telah dikenakan bagi gadaian selama 6 bulan. Hal ini telah berjalan lama, tetapi baru-baru ini sahaja skandal ini telah didedahkan di Batu Pahat. Orang Melayu kalau menyimpan surat pajak gadai macam azimat, malu dan tidak mahu bertanya. Dengan sebab itu mereka segan hendak bertanya kepada anak-anaknya berapakah faedah yang akan dikenakan untuk menebus barang itu kembali. Saya berharap pihak Kerajaan akan membuatkan satu peraturan supaya semua lintah-lintah darat pajak gadai ini mengeluarkan resit penerimaan bayaran faedah yang diterimanya itu. Ini adalah satu langkah bagi jangka masa pendek, tetapi bagi jangka masa panjang saya berharap Bank Islam yang dicadangkan itu hendaklah dipercepatkan per-

laksanaannya di mana di dalam ugama Islam peraturan yang tertentu berhubung dengan urusan gadai-menggadai ada disediakan supaya tidaklah harta-harta orang Islam ini jatuh ke tangan penghisap-penghisap darah yang tamak dan haluba itu. Kita pastilah memandang serius dan membuka mata bahawa parti DAP sekarang akan melebarkan sayapnya dan pengaruhnya dengan berjajni untuk memperbaiki keadaan-keadaan kemunduran dan ketinggalan penduduk-penduduk di luar bandar dan bukan satu perkara yang mustahil bagi pohon yang telah tumbuh segar mekar itu tidak dibaja dan dipelihara dia akan terkulai layu dan mati dalam jambangan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang mendukacitakan lagi ialah perkara krisis moral dan keruntuhan akhlak di negara kita ini. Kita selalu sahaja menyalahkan kebudayaan Barat dan penjajahan. Walhal penjajah telah berambus daripada negeri kita selama 21 tahun. Kenapa kita segan hendak menyalahkan diri kita sendiri. Umpamanya apabila pembesar-pembesar luar negeri datang menghadiri Persidangan ASEAN baru-baru ini. Kenapa kita tergamak membiarkan gadis-gadis berkemban dan membuka setengah badan di atas hingga ke paras dada dan berkain singkat separas lutut untuk menyambut kedatangan pembesar-pembesar itu sambil menabur-nabur bunga untuk dipijak. Rakyat adalah mencemuh akan perkara ini. Pada mulanya tentulah muda-mudi kita tidak berani tetapi oleh kerana mendapat inspirasi dan galakan daripada pembesar-pembesar negara maka perkara ini telah menjadi perkara biasa.

Ugama Islam sebagai ugama rasmi hanyalah tercatat di dalam Perlembagaan. Sabda Rasulullah s.a.w. An nasu'adini mulukihima: Bahawasanya rakyat itu mengikut ugama dan telatah-telatah pembesar-pembesarnya. Saya fikir untuk mendapatkan dan merapatkan persahabatan tidaklah mesti wanita-wanita dijadikan bahan tarikan.

Di hospital-hospital, jururawat-jururawat ditugaskan menjaga pesakit-pesakit lelaki. Bukan sahaja setakat memberi makan ubat, bahkan hingga mengelap, mencuci, agaknya mencukur pun diserahkan kepada jururawat. Kerana seorang pesakit lelaki pernah mengadu kepada saya yang beliau mengidap penyakit buasir. Katanya, saya sengaja minta buang air di tempat tidur supaya nurse membersihkan saya. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, banyak juga pesakit-pesakit lelaki Islam

yang tidak gemar dan tidak reda tubuh mereka disentuh oleh jari-jari lembut ini, lebih-lebih lagi mereka yang sedang dalam perjalanan ke Shorga, mereka sedang bertaubat dan tidak mahu lagi melakukan maksiat. Dari itu, saya ingin menyeru kepada Kementerian Kesihatan supaya ditambah lagi Hospital Assistants bagi menjaga pesakit-pesakit lelaki. Janganlah sangat terlampau dieksploitasi tenaga-tenaga kaum wanita ini kerana negara jiran pun telah melaksanakan penggunaan Hospital Assistants bagi melayan pesakit lelaki.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada uniform sekolah penuntut lelaki baik yang Islam mahupun yang bukan Islam, apakala naik Tingkatan III setelah berumur 15 tahun mereka ini sudah berasa malu dan tidak sedap lagi hendak memakai seluar pendek tetapi dipaksa juga oleh gurunya. Maka saya berharap Kementerian Pelajaran mulai tahun hadapan akan membenarkan penuntut-penuntut perempuan di dalam Tingkatan I memakai pakaian kebangsaan dan penuntut lelaki dalam Tingkatan III dibenarkan memakai seluar panjang. Saban hari kita dengar banyak perkara-perkara yang tidak menyenangkan berlaku di sekolah di antara murid-murid sesama muridnya dan di antara penuntut dengan guru. Pernah kita dengar penuntut lelaki mencubit guru perempuan kerana ghairah. Saya berharap Kementerian Pelajaran akan berusaha supaya penuntut lelaki hendaklah diasingkan daripada penuntut-penuntut perempuan dan sekolah-sekolah co-education baik di peringkat rendah dan menengah sayugia tidaklah digalakkan.

Pada masa ini Maktab Perguruan Durian Daun Melaka yang dahulu khusus untuk guru-guru perempuan juga telah dieksploitasi. Daripada didikan inilah telah mula disemaikan benih-benih yang tidak sihat untuk subur dan berkembang biak di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung bertitah bahawa perhubungan dengan negara-negara luar adalah perlu selain daripada mendapatkan pelaburan ialah untuk persahabatan. Di Mesir di mana Persatuan Pelajar-pelajar Melayu sudah wujud sudah 52 tahun lebihkurang, tetapi bila kita berjalan dengan memakai pakaian kebangsaan mereka masih lagi berbisik dan bercakap sesama

mereka: seen, seen ataupun yaban, yang berti orang China ataupun orang Jepun. Demikian juga di negara-negara Arab yang lain, hatta Arab Saudi sekalipun masih tidak kenal Malaysia. Tetapi bila kita sebut Tunku Abdul Rahman, barulah mereka faham. Mereka lebih kenal Tunku Abdul Rahman daripada Malaysia. Ini ialah kerana kurangnya gambaran dan penerangan-penerangan yang diberikan berkenaan Malaysia. Pernah sekali saya menonton filem Malaysia yang ditayangkan di TV Mesir. Komen budak-budak Mesir yang biasa berkawan dengan penuntut-penuntut Malaysia: Malaysia tidak bagus kerana gambar yang ditayangkan itu ialah gambar Dayak, rumah panjang dan bertelinga labuh. Keduanya, duta-duta kita yang bertugas di negara Arab itu kiranya boleh biarlah dipilih daripada orang yang mengetahui bahasa Arab. Ini akan memberikan banyak kemudahan, pertolongan dan kejayaan kerana Yang Berhormat Mulia Menteri Luar kita ketika melawat Kahirah pernah komen— mereka itu pandai berbahasa Ingeris pun sengaja tak mahu menggunakannya, bukan sahaja kerana mereka taksab dengan bahasa mereka tetapi di samping itu mereka mempunyai tujuan yang tertentu. Begitu juga para diplomat yang lain, mereka berlagak seolah-olah tidak tahu bahasa Ingeris tetapi faham semua apa yang diperkatakan.

Rasulullah s.a.w. juga telah bersabda: Man'arifa lughatu qaumin a-mina min makrihim (Barangsiapa yang mengetahui bahasa sesuatu kaum itu terselamat ia daripada tipudaya mereka). Ketiganya, bila ada pamiran-pamiran perdagangan antarabangsa, Malaysia telah tidak turut mengambil bahagian. Yang mengambil bahagian besar-besaran ialah negara China dan Jepun yang telah mempamirkan berbagai barang daripada barang-barang makanan hinggalah bahan-bahan elektronik dan teknologinya. Dalam pamiran tahun 1975 yang diadakan di Mesir sebuah syarikat swasta dari Malaysia telah mempamirkan sebuah kerusi yang diperbuat daripada kayu, sebuah screen dan barang-barang kecil. Saya kira kalau dipamirkan perabut-perabut rumahtangga kayu-kayu parquet untuk lantai, rangka-tingkap dan daun-daun pintu, pastilah akan mendapat order yang baik kerana negara-negara Afrika sangatlah kekurangan bahan-bahan kayu. Kayu balak dan juga nenas dalam tin yang diekspot ke negara Asia Barat biasanya dicap dengan INTAJ SAN

QAFURAH yang bererti keluaran Singapura. Dengan sebab itu Singapura lebih terkenal daripada Malaysia sebagai pengeluar asalnya.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, sukatan pelajaran geography di Universiti Al-Azhar tahun 1973—saya tidak tahu samada sekarang masih digunakan—telah menyebut tentang keadaan rumah orang-orang Melayu yang tinggal di kampung-kampung kira-kira beberapa centimetre sahaja tingginya daripada bumi. Inipun sebagai mengelakkan daripada disengat oleh binatang-binatang bisa. Ekonomi dan bandar dimonopoli oleh bangsa-bangsa asing iaitu Cina dan India. Penuntut-penuntut juga telah melaporkan kepada Attache Penerangan, tetapi tidak ada pembetulan dibuat. Mujur saya telah sempat menerangkan keadaan yang sebenar ketika menjawab soalan peperiksaan. Gambar-gambar yang diferem di Kedutaan Malaysia hanyalah gambar-gambar qari dan qariah. Kalau ada pelancung-pelancung datang untuk mendapatkan information tentang Malaysia, saya tidak nampak ada receptionist yang memberi penerangan yang jelas kepada pelancung-pelancung yang ingin ke Malaysia ini. Sebaliknya pula salah seorang daripada pengarang di negara itu manakala melawat Malaysia telah melambung-lambung memuji tentang kasino judi yang teragung di Genting Highlands dan mengkomen adat istiadat, pakaian raja-raja dan etiquette yang terdapat dalam majlis rasmi. Beliau juga membuat perbandingan dalam bukunya dengan berterus-terang antara kita dengan negara jiran tentang layanan yang cekap, kebersihan dan juga prompt service yang dapat diberikan kepada pelancung-pelancung. Dari itu saya merayu agar Kementerian Luar Negeri dan juga Kementerian Penerangan akan dapatlah memperbaiki hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Penerangan sangatlah penting untuk memberitahu rakyat segala rancangan Kerajaan yang berjiwa rakyat, adil dan bersih itu terhadap segala usaha yang telah, sedang dan akan dilakukan oleh Kerajaan kepada rakyat, jangka masa pelaksanaannya yang tepat dan menepati bagaimana yang dijanjikan. Rakyat bersedia memberikan sepenuh-penuh kerjasama dan sokongan terhadap usaha-usaha Kerajaan bagi mengubah nasib mereka. Rakyat khususnya tertanya-tanya bagaimanakah caranya mereka hendak membeli saham CO-OP

BERSATU. Mereka tidak tahu siapa pemegang amanahnya dan bagaimana cara-cara hendak menyumbangkan sedikit pengorbanan. Dari itu rakyat berharap cara-cara seperti yang dijalankan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji itu eloklah diimplimentasikan dengan cara potong gaji. Mereka rela dan suka jika langkah-langkah yang tersebut dijalankan dan sambutan pasti akan diberikan. Bila modal telah terkumpul, rakyat berharap bukanlah modal itu hanya digunakan untuk membeli saham kepada pemodal-pemodal yang telah sedia kaya itu. Tetapi rakyat mahu mereka sendiri dilatih untuk mengendalikan perusahaan mereka. Di samping menjemput pelabur asing yang mengexploitaskan kekayaan bahan mentah kurniaan Tuhan yang ada kepada kita ini, saya ingin mencadangkan supaya pihak kita sendiri membeli jentera-jentera dan alat-alat teknologi yang diperlukan itu dan mengambil pula tenaga-tenaga yang berkebolehan secara kontrek untuk membimbing mengajar dan menunjuk ajar kepada rakyat khususnya bumiputra di negara ini menjalankan perusahaannya sendiri daripada membiarkan mereka hanya memangku tangan dan menunggu keuntungan saham setakat satu-dua persen sahaja yang tak pernah dapat dikecap dan dinikmati.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita mendengar kekecohan berkenaan dengan penentuan anak bulan. Untuk menentukan anak bulan bagi awal Ramadhan, rukyah hendaklah dibuat sekurang-kurangnya dua bulan sebelum kedatangan bulan Ramadhan iaitu awal bulan Rejab dan awal bulan Sya'aban, barulah mudah dapat ditentukan awal Ramadhan. Selain daripada itu, kenapakah Telok Kemang dan tempat kapal terbang terhempas di Johor Bahru sahaja ditentukan untuk melihat anak bulan? Di negeri lain seperti Laut China di negeri Trengganu itu pun satu tempat yang baik untuk melihat anak bulan, tetapi tidak diarahkan, di mana seorang nelayan mendakwa bahawa beliau nampak anak bulan ketika tempat yang ditetapkan tidak kelihatan anak bulan. Islam mewajibkan rukyah ialah supaya manusia berusaha mencipta satu alat yang dengannya rukyah boleh dibuat. Saya ingin mencadangkan supaya sebuah teropong yang baik dan moden haruslah dibeli dan juga saintis-saintis astronomi haruslah diajak bersama-sama atau membimbing bagaimana cara untuk melihat anak bulan kerana dengan melihat anak

bulan dan hisab itupun sudah banyak menimbulkan pergeseran dan perpecahan di antara sesama umat Islam.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan sebagaimana Titah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong adalah memberi perhatian yang berat terhadap masalah penyalahgunaan dadah, tetapi dalam Titah Duli Yang Maha Mulia adalah hendak mencegah penagihan dadah itu sebelum daripada melarat dan merebak. Saya mencadangkan jalannya ialah al-wiqayah khairun minal ilaj (prevention is better than cure).

Baru-baru ini saya menemui Pengarah Biro Narkotik Johor Bahru yang baru kembali daripada mengambil kursus di Amerika Syarikat. Cara pemulihan yang dijalankan oleh Kerajaan kita pada masa ini dengan hanya memberikan rawatan pemulihan selama enam bulan itu tidaklah mencukupi. Apa yang lebih penting ialah after-care, rawatan yang diberikan selepas pemulihan iaitu dengan cara melaporkan diri sekurang-kurangnya seminggu atau dua minggu sekali dan juga diperiksa air kencingnya, juga diberi latihan-latihan kerja dan didikan ugama yang akan mengambil masa selama dua tahun barulah ada harapan untuk pulih, kalau tidak mereka akan menghisap semula. Kita selalu terlambat dalam bertindak, umpamanya kemasukan hippies dan berambut panjang. Apakala perkara ini telah kronik dan menular barulah tindakan hendak diambil. Yang kedua, kita berharap pihak Kerajaan akan benar-benar bersikap tegas dan dengan tidak teragak-agak menjalankan hukuman yang sempal umpamanya menghukum gantung sampai mati kepada pengedar dadah yang terus menerus berleluasa di negara ini. Sifat terlampau lenient dan terlalu banyak bertolak ansur akan memberikan kesempatan dan peluang yang baik kepada orang-orang yang berniat serong terhadap kita. Masanya sudah sampai dan tidak boleh ditangguh-tangguh dan dinanti-nanti lagi untuk kita bangun dan bertindak menghapuskan segala gejala-gejala yang tidak diinginkan samada racun-racun itu ditaburkan di dalam dadah, dedah dan juga dakwah. Ingatlah peribahasa Arab yang berbunyi: Husnul ibtida' nisful amal (well begun is half done).

**Tuan Yang di-Pertua:** Bahasa Melayunya apa?

**Puan Shariffah Dorah binti Mohammed:** "Memulakan sesuatu pekerjaan itu dengan baik seolah-olah telah menyiapkan separuh daripada pekerjaan."

Akhirnya saya merayu dan berharap semoga segala rancangan dan kemudahan asas bagi kawasan pendalaman dan luar bandar akan dapat disegerakan dan akhirnya saya menyokong usul menyampaikan junjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia.

4.30 ptg.

**Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (Pengkalan Chepa):** Tuan Yang di-Pertua, syukur Alhamdulillah kerana saya dapat bersama-sama membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sewaktu merasmikan pembukaan Persidangan Parlimen baharu-baharu ini.

Tuan Yang di-Pertua, persidangan Dewan kita kali ini mengandungi unsur-unsur yang sungguh menarik perhatian, membawa kita merenung lama mengenang zaman silam dan tindakan kita yang lepas bagi tujuan menentukan gerak kerja kita di hari esok samada berjaya atau tidaknya matlamat kita. Di antaranya ialah mencapai perpaduan dan keadilan sepertimana yang dilaung-laungkan oleh pemimpin-pemimpin kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebarang nasihat dan tunjuk ajar para pemimpin terhadap masyarakat dan penduduk negara seluruhnya supaya mencari perpaduan dan keadilan atau sebagainya memanglah tidak semudah nasihat dan teguran yang ditujukan kepada anak cucu kita yang masih kecil dan berhingus. Mereka ini akan menerima sahaja teguran dan nasihat kita samada mereka mahu atau tidak mahu. Tetapi bagi rakyat yang telah punya fikiran sendiri serta pandai pula menengok dan mengukur tingkah laku pemimpin mereka tentu sekali rakyat yang seperti ini keadaannya tidak mudah tunduk dan taat sekiranya apa yang mereka dengar itu berlainan daripada apa yang mereka lihat, atau apa yang dinasihat oleh pemimpin mereka itu terbalik daripada apa yang mereka saksi dan mereka rasai. Bagaimanakah boleh diterima anjuran supaya hidup maju dan tidak berpecah belah sedangkan seluruhnya mengerti bahawa pilihanraya umum baharu-baharu ini telah dipercepatkan setahun lebih awal daripada apa yang sepatutnya. Tidak kerana lain hanya semata-mata untuk merebut peluang kejatuhan PAS

di Kelantan untuk dieksploitasikan di negeri-negeri lain. Sedangkan rakyat yang berkenaan sedar akan hakikat yang berlaku dan dilakukannya. Sedar akan hakikat tragedi 13 Mei di Kelantan dilakukan dengan penyebaran hasutan dan tuduhan terbuka dan teratur, melanyak segala lunas akhlak dan keluhuran budi bahasa. Walhal tragedi seperti ini sepatutnya berlaku seribu tahun dahulu ketika mana manusia masih jakun dan primitif.

Bagaimana rakyat boleh menerima nasihat supaya hidup berpadu dan bersatu sedangkan ada di antara pemimpin kita yang menuduh bahawa PAS yang menjadi parti ke-sayangan sebahagian besar penduduk negeri ini telah dituduh ianya lebih merbahaya daripada kominis. Jangan ditanya tuduhan-tuduhan lain seperti membuat pakatan sulit dengan DAP dan sebagainya. Tuduhan ini telah dilemparkan kepada PAS. Sedangkan orang-orang tertentu dan rakyat yang berkenaan tahu dan sedar bahawa PAS telah berbuat dan telah mengorbankan segala apa yang ada padanya untuk bersaudara dan mengeratkan silatul rahim dengan kawannya dari parti komponen.

Dunia tahu bahawa PAS telah rela memecahkan tradisinya yang luhur dan bernilai dengan menyertai Kerajaan campuran kemudian Barisan Nasional sekalipun PAS tahu bahawa sebahagian besar penyokongnya di seluruh negara telah mengutuk dan merajuk dengan sikap ini. Dunia tahu bahawa pengorbanan PAS yang begitu besar untuk tujuan yang mulia itu telah dibayar dengan tuduhan kononnya ia lebih bahaya dari kominis. Yang anihnya, Tuan Yang di-Pertua, parti DAP yang tidak pernah bekerjasama dengan Kerajaan baik pun dalam campuran atau dalam Barisan Nasional bahkan terus menerus menyerang dan memukulnya dari empat penjuru; DAP ini tidak pernah dituduh bahawa ianya lebih bahaya dari kominis. Kominis, Tuan Yang di-Pertua, kafir orangnya mengikut kata sepakat ulama Islam seluruh dunia. Bila PAS, lebih bahaya dari kominis, bukankah boleh difahamkan bahawa ianya juga lebih kafir daripada kominis. Hati mana yang tidak terhiris dan perasaan manusia mana yang tidak tersinggung. Maka bagaimana dapat diterima nasihat-nasihat supaya hidup aman dan bersatu. Pदानlah, kalau timbul cerita-cerita boikot-memboikot, pulau-memulau sesama se kampung kerana lanekah dan tari yang mereka pilih itu telah disuaikan dengan irama gendang yang telah dipalu oleh pemimpin mereka sendiri. Bagai-

mana rakyat dapat menerima nasihat supaya hidup bersatu padu, sedangkan kesungguhan dan keikhlasan pemimpin kita dalam menuju negara yang diredai oleh Tuhan seperti yang ditampal dalam poster-poster pilihanraya merata ceruk itu telah terduga dan tercabul setiap orang. Misalnya ada pemimpin kita yang membuat kenyataan terbuka bahawa pertubuhan Yahudi yang di kenal dengan nama Freemason itu tidak mengancam keselamatan negara tetapi serentak dengan itu pula keluar kenyataan lain daripada pemimpin yang sama bahawa orang-orang yang teruiat dengan Freemason itu wajib bertaubat dan perlu dijauhi. Apa erti Freemason wajib ditaubati kalau ianya tidak racun yang memporak-perandakan iman dan akidah. Bila iman telah porak-peranda maka apa lagi kawalan fitrah yang baik dalam manusia untuk kesetabilan diri dan keselamatan negara. Para pemimpin itu sendiri telah tidak consistent maka janganlah ditanya pihak rakyat dengan erti kalau berlaku perpecahan maka memang wajar dan lojik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sehari dua ini Dewan kita menjadi gamat dan sekali sekala menjadi panas dengan apa yang disebut perkauman iaitu persoalan yang selalunya dikait-kaitkan dengan kejadian-kejadian yang mungkin mencetuskan kacau bilau dan sebagainya yang tidak menyenangkan. Dan biasanya dilonggokkan, risiko sepenuhnya ke atas golongan Pembangkang. Adalah anih, perkauman yang dianggap bisa dan beracun itu, perkauman itulah juga telah dijadikan asas pemerintahan negara ini sejak kita memegang tampuk pemerintahan. Negeri ini telah diperintah sejak beberapa lama dahulu oleh tiga kelompok keturunan manusia yang dibahagi-bahagikan mengikut asas bangsa dan kaum seperti yang kita sama-sama tahu. Kalau sungguhlah bangsa dan kaum ini dianggap berbahaya dan sensitif maka yakinlah bahawa negara kita ini akan terus-menerus berkeadaan bahaya dan sensitif selagi corak pemerintahan negara ini diasaskan sebahagian besarnya di atas kaum dan bangsa. Rakyatnya akan lahir dalam bahaya perkauman, besarnya dalam bahaya perkauman dan tua matinya pun dalam bahaya perkauman, kerana mereka dari tiga kelompok yang bertanggungjawab ini telah menghidup dan menyuburkan terus-menerus semangat kaum dan perkauman sejak awal-awal pemerintahan dahulu lagi. Tetapi dukacitanya juga golongan Pembangkanglah selalunya menjadi landasan mulut dan jelingan mata.

Satu kejadian lucu yang berlaku di dalam Dewan yang mulia ini kelmarin ialah bila sahaja wakil dari Kinabalu selesai dari memberi ucapannya dan Dewan ini ditangguhkan, ramai saudara-saudara saya dari UMNO telah cepat-cepat berjabat salam memberi tahniah kepada Yang Berhormat itu sebagai penghargaan ikhlas terhadap ucapan sulungnya, ucapan yang mengutarakan hakikat sebenar yang berlaku di hadapan matanya mengenai nasib kaum bumiputra baik di lapangan ekonomi, sosial dan sebagainya dengan secara jelas dan tidak berbelit-belit sedangkan di antara kandungan ucapan Yang Berhormat itu ialah menyeru Kerajaan menghentikan sama sekali semua aliran persekolahan Tamil dan persekolahan Cina yang dianggapnya sumber utama tumbuhnya perkauman di negara ini. Dan kalau hal ini bercanggah dengan Perlembagaan katanya, maka Perlembagaan itulah yang bersalah dan perlulah dirombak semula.

Yang lebih anih lagi, Tuan Yang di-Pertua, ucapan yang mendapat tahniah daripada beberapa orang saudara saya Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini telah ditegur selalu dalam Majlis ini oleh Yang Berhormat dari MIC, walhal ucapan seperti ini tidak sepatutnya menimbulkan sambutan dan teguran secara serentak dari sekelompok yang sepatutnya mempunyai pandangan yang sama. Tetapi keadaan yang berlaku adalah sebaliknya. Maka terbukalah rahsia dan terdedahlah apa yang sebenarnya terpendam di lubuk hati masing-masing. Nampaklah jelas bahawa semangat perkauman yang dibenci dan dicemuh-cemuh itu tidak pernah malap, tidak pernah dilupai oleh orang-orang yang dianggap pejuang-pejuang anti perkauman itu sendiri. Adalah menjadi dongeng semata-mata bahawa usaha menghapuskan perkauman dengan menggunakan struktur atau polisi pemerintah yang ada hari ini. Maha suci Allah Yang Maha Gagah dan Bijaksana mencipta alam dan seisinya termasuk manusia lalu mengatur kehidupan manusia dengan landasan yang bukan landasan kaum dan bangsa. Allah Azzawajalla meletakkan kaum dan bangsa sebagai perkara kesempingan sebagai tanda alamat semata-mata tidak perlu dibesar-besarkan. Cukuplah kalau saya selitkan maksud Sabda pesuruhnya yang mulia s.a.w. . . . yang bermaksud: Dunia ini seluruhnya dibuat untuk kamu sekalian, manakala kamu itu sendiri dibuat untuk akhirat. Tidak ada apa lebihnya bangsa Arab berbanding dengan tidak Arab kecuali dari segi takwa.

Kiasnya Tuan Yang di-Pertua, tidak ada apa lebihnya bangsa Melayu berbanding dengan bangsa-bangsa tidak Melayu. Juga tidak ada apa-apa lebihnya bangsa Cina berbanding dengan bangsa-bangsa yang tidak Cina dan seterusnya kecuali dengan takwa kepada Allah. Oleh itu di hari baik dan dalam Dewan yang mulia ini, saya utarakan satu formula baharu bagi pemerintahan negara ini untuk tujuan mengukuhkan perpaduan rakyat setidak-tidaknya formula ini boleh melemahkan bisa perkauman yang sudah menjadi-jadi di tanahair kita ini. Formula ini ialah menghad dan membataskan pertumbuhan parti politik pada tidak lebih dari tiga parti sahaja. Satu parti yang berdasarkan nasionalis liberal, yang kedua parti yang berdasarkan sosialis; yang ketiga parti yang berdasarkan Islam. Apa bangsa sekalipun dan kaum mana sekalipun bolehlah berhimpun dalam mana-mana satu parti yang memperjuangkan satu dari tiga dasar tadi.

Untuk orang yang sukakan dasar sosialis misalnya, bolehlah bertumpu dalam sebuah parti sahaja, janganlah dikira Melayu, jangan dikira China, India atau lain-lain. Begitu juga halnya dengan orang yang berkeyakinan bahawa Islam itu berkemampuan untuk menjadi landasan hidup di dunia dan hidup di akhirat, bolehlah bertumpu dalam satu parti samada Melayu, China, India dan lain-lain. Masalah simbol dan nama atau sebagainya, bolehlah dirunding semula.

Formula ini selain daripada memendap dan mengeneipkan unsur kaum dan bangsa yang menjadi problem hidup sekarang ini, ia juga akan menarik pandangan orang ramai terhadap apa yang sebenarnya konsep Islam samada ianya ugama dalam erti kata ibadat dan membangunkan surau sahaja, atau mencakup seluruh kegiatan hidup seperti mana yang ditunjuk oleh Sabda Rasulullah tadi. Kalaulah ada kedengaran suara-suara sumbang bahawa Islam itu, tidak sesuai dan tidak praktikal di zaman sekarang seperti yang diheboh dalam surat-surat khabar baru-baru ini, maka jawabnya Islam bukan sahaja tidak praktikal di zaman sekarang, tetapi Islam dahulupun tidak sesuai dan tidak praktikal juga bahkan lebih daripada itu saya berkata tidak pernah wujud zaman yang sesuai dengan Islam. Tetapi kalau kedengaran memang ada masanya bahawa Islam ini telah disesuaikan dan telah dipraktikkan maka itu ialah kerana ada orangnya, ada perjuangannya, ada mujahidnya

yang bermati-matian samada yang bergelar nabi, yang bergelar sahabat, atau yang bergelar apapun.

Kalau orang-orang yang hidup hari ini baik dalam Dewan ini atau yang di luar Dewan ini berasa bertanggungjawab dengan Tuhan terhadap Islam maka suasana praktikal dan penyesuaian ini tetap akan berulang semula, kerana mengikut kata pendita, "Annasu-nasu, Ainamahalluwainamu kanu". manusia itu ialah manusia baik di zaman mana mereka ujud dan di tempat mana mereka berada.

4.43 ptg.

**Dr Tan Tiong Hong (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul Ucapan Terima Kasih di atas cadangan Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau terhadap Titah Diraja.

Dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah dinyatakan dengan penuh perasaan ke atas perkara perpaduan negara, aspirasi dan harapan baru dari jenerasi rakyat Malaysia merdeka yang telah mengambil tempat sebagai warganegara sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua seruan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada rakyat Malaysia untuk bersatupada ialah bukan sahaja tepat pada masanya tetapi juga penting dalam keadaan seperti sekarang dalam sejarah Malaysia. Ini ialah sebab Malaysia telah merdeka selama 21 tahun dan masih menghadapi issue-issue yang dianggap sebagai issue-issue sensitif. Issue-issue itu sepatutnya telah diselesaikan tetapi setengah issue-issue itu kian menjadi lebih contraversi dan susah. Adakah sebab issue-issue itu suka dipermainkan oleh ahli-ahli politik hanya untuk mendapatkan lebih undi dan sebenarnya tidak mahu berkecimpung diri mereka dalam tugas menyelesaikannya? Dengan sebab itu saya mengkagumkan samada perpaduan negara akan dinilai dengan jasa dan bukan dengan secara lisan. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "Whether national unity should be measured by deeds and not by words". Sebagaimana termaktub dalam Rukunegara ialah panduan untuk mereka yang ingin mengamalkan perpaduan negara ialah sungguh menyedihkan hati saya bila terdengar pada 11hb Oktober, 1978 dalam ucapan dari Yang Berhormat Ahli Parlimen dari Kota Kinabalu yang telah mem-

bicarakan dengan panjang lebar issue-issue yang akan memecahbelahkan perpaduan rakyat Malaysia. Panggilan untuk menutup sekolah-sekolah rendah China dan Tamil adalah sangat dikesali.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Parlimen baru di kawasan Kepong, saya berfikir bahawa saya akan dapat menyuarakan dengan adil dan sederhana bagi pihak mereka yang bernasib kurang baik dalam kemasyarakatan rakyat Malaysia kita yang agaknya berbilang majoriti. Bekas Ahli Parlimen dari Kepong yang Ahli-ahli Yang Berhormat sangat kenal telah menjalankan tugas itu dengan kesannya sepanjang masa tiga penggal sebagai Ahli Parlimen dari Kepong. Dengan sebab itu, saya hormat menghormati kepada beliau dan harap akan juga dapat belajar dari kebijaksanaannya yang lampau.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Diraja, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ada menitikberatkan terhadap aspirasi dan harapan jenerasi baru kita dan pembasmian kemiskinan. Kita mengetahui bahawa 60% dari bilangan penduduk di dalam negara ini ialah terdiri dari pemuda-pemudi dan 80% dari mereka telah tertarik ke sektor kota seperti di Wilayah Persekutuan dan bandar-bandar besar di lain-lain negeri. Ini telah membawa masalah sosio-ekonomi baru yang tidak dijangkakan di masa Rancangan Malaysia Pertama bahawa ialah hanya dalam Rancangan Malaysia Kedua kita memulakan bercakap tentang masalah kemiskinan dan telah menyatakan bahawa "Poverty knows no racial barrier", khususnya di Wilayah Persekutuan telah bermula merasai ketegangan kerana tekanan sosio-ekonomik berhubung dengan perkembangan cepat bilangan penduduk, majoritinya, hidup dengan pendapatan berhampir dan di bawah garisan kemiskinan atau dengan izin "below the poverty line".

Bilangan penduduk di dalam Wilayah Persekutuan dengan rasminya ialah sejumlah 900,000 tetapi saya menetapkan lebih daripada 1 juta dan dengan kadar perkembangan lebih daripada 7%, termasuk lebih 2.5% natural birth-rate dan kadar perpindahan dari luar bandar ke dalam bandar ialah lebih kurang 4%. Di dalam constituency saya sahaja ada seramai 300,000 penduduk dan luasnya lebih kurang 9,200 ekar, ialah lebih kurang 33 orang tinggal di atas seekar tanah. Kemiskinan ialah berhubung dengan adanya

perumahan, pelajaran, pekerjaan, pengangkutan, makanan dan pakaian. Jikalau parameters kemiskinan itu tidak boleh diatasi dengan berkesannya bagi satu kawasan (constituency), saya tidak syak lagi bahawa ia akan bertambah lagi seratus kali ganda kesusahan untuk mengatasi masalah itu dengan cara basis kebangsaan.

Perumahan murah yang disediakan untuk penduduk-penduduk di dalam Wilayah Persekutuan ialah tidak mencukupi. Ini adalah sebab kebanyakan kawasan tanah lombong telah dibahagikan kepada sejumlah kecil orang yang tidak ada kebolehan untuk cepat membina rumah-rumah yang dikehendaki. Kekurangan yang artificial ini mengakibatkan bahawa mereka yang miskin dan tiada rumah terpaksa memberi rasuah untuk dapat membeli rumah-rumah mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendesak Kerajaan untuk mengulaskan polisinya terhadap pembahagian tanah terutamanya di dalam Wilayah Persekutuan berhubung dengan tanah lombong terpakai. Kerajaan patut menghadkan luas tanah tidak lebih 20 ekar untuk setiap projek perumahan membolehkan lebih ramai lagi orang untuk memaju dan membina rumah-rumah murah dengan lebih-cepatnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu kawalan lagi ialah dengan memperuntukkan 70% rumah-rumah kepada pemohon-pemohon yang tinggal di tempat itu. Ini akan menghilangkan perasaan perlucutan terutamanya bila mereka melihat bahawa rumah-rumah yang dibina di hadapan rumah-rumah setinggan mereka tidak dapat dipunyai oleh mereka. 30% rumah-rumah yang dibina itu haruslah diperuntukkan kepada mereka yang berumah setinggan terlibat dalam projek pembangunan. Mutu rumah-rumah itu mestilah juga diselenggarakan dan segala kemudahan-kemudahan diadakan, oleh kerana kurang pengalaman dalam projek perumahan murah rumah pangsa di masa tahun enam puluhan kini adalah mengakibatkan banyak masalah.

Tuan Yang di-Pertua, penduduk-penduduk di rumah pangsa Jalan Pekeliling sekarang menghadapi kesusahan kerana kebocoran dan mereka hendaklah mengadakan parit di dalam rumah pangsa. Setengah lif itu sudah lama, selalunya rosak dan sangatlah merbahaya untuk digunakan naik ke tingkat 17.

Tuan Yang di-Pertua, adalah perlunya sebelum sebuah projek perumahan itu diluluskan mestilah diadakan lampu-lampu jalan, pengangkutan awam dan bekalan air. Jika tidak keadaan seperti di Kepong Bahru di mana banyak rumah-rumah tidak dapat bekalan air bukan kerana paras air di Klang Gates Dam telah rendah tetapi kerana tidak ada perancangan terhadap perkembangan projek perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyatakan dalam Titah Ucapannya: "Pertama kali bahawa satu generasi rakyat Malaysia telah mengamoi tempat sebagai warganegara sepenuhnya." Generasi rakyat Malaysia yang muda ini sedang mencari peluang untuk pelajaran dengan perasaan yang meluap, tidak dijangkakan dan mengalami dulu. Tinggallah zaman bila orang akan terima keadaan yang orang kaya sahaja dapat pelajaran dan yang miskin menjadi buta huruf. Sungguhpun kita ada memberi pelajaran percuma kepada semua anak-anak Malaysia di peringkat sekolah rendah, sudah tiba masanya bagi kita mengkajikan semula jenis pelajaran bagi sekolah menengah, kolej, politeknik, vokesyenal dan tertiary yang adanya bagi generasi rakyat Malaysia muda. Saya memperkatakan ini sebab institusi-institusi pelajaran dalam environment bertukaran mesti respond terhadap environment dan memenuhi keperluan tenaga rakyat negara. Sebagai contohnya kita membaca dalam suratkhbar *New Strait Times* baru-baru ini masalah tentang pengangguran graduate teknologi petroleum. Di atas penerimaan bahawa untuk menubuhkan banyak lagi universiti-universiti itu ialah laku, adalah lebih perlu mengadakan kolej-kolej yang mengeluarkan sub-profesional graduates. Kolej Tunku Abdul Rahman dan Institut Teknologi MARA ialah contoh yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap bahawa pada satu hari pelajaran di semua peringkat untuk semua yang berkelayakan, kepada semua yang mencarinya bukan sahaja senang didapati tetapi juga murah perbelanjaannya. Keutamaannya mesti berusaha supaya untuk memperbaiki keadaan sekolah-sekolah rendah kita. Setengah sekolah-sekolah rendah di dalam constituency saya ialah seperti kandang kerbau (cow shed) dan bilik-bilik darjahnya ialah seperti tin sardines. Jikalau begitu di Kepong, saya menganggapkan begitu

juga keadaannya di keseluruhan negara kita. Keadaan itu akan bertambah buruk jika tiada ibubapa, guru-guru dan ahli-ahli Lembaga Sekolah untuk menolong sekolah-sekolah itu. Mereka telah membuat pekerjaan yang baik untuk memperbaiki keadaan buruk sekolah-sekolah itu tetapi bantuan dari Kerajaan ialah sangat diperlukan dan telah diperakui bahawa tidak ada sebarang usaha dari pihak swasta boleh meneruskan sokongan mereka selama-lamanya untuk memenuhi kehendak sekolah-sekolah semacam itu.

Tuan Yang di-Pertua, adalah ramai penduduk di dalam Wilayah Persekutuan termasuk juga setengah perancang-perancang telah gagal menyedarkan di mana sayur-sayuran mereka datang dari. Ramai orang akan mengatakan sayur-sayuran itu datang dari Cameron Highlands. Ini adalah tidak benar. Untuk selama 50 tahun dan terutamanya di masa 7 tahun ini peladang-peladang menanam sayur di Wilayah Persekutuan telah dipaksa keluar dari ladang mereka oleh kerana kemajuan aktiviti perlombongan dan menempatkan semula penduduk-penduduk setingan. Petani-petani itu menghargai masalah-masalah dan pengorbanan yang mereka kena membuat kerana pembangunan dan kemajuan tetapi trajedinya ialah tiada seorang berlawan untuk hak mereka meneruskan kerja bertani. Mereka patut ditempatkan di kawasan baru yang sesuai untuk bertani, akan tetapi mereka telah diberi notis untuk mengosongkan tanah itu yang telah menahankan mereka dari kelaparan dan kemiskinan. Sebagai satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, adanya satu kawasan yang luasnya 50 ekar ladang sayur-sayuran di Sentul yang baru-baru ini telah diberi notis untuk

mengosongkan tanah itu. Mereka tidak diberi tempat lain untuk bertani. Saya mendesak Kerajaan untuk menitikberatkan kesusahan-kesusahan petani itu. Mereka meminta tanah untuk bercucuk tanam dan bukan dengan wang kompensasi.

Penjaja-penjaja juga salah satu kategori yang memerlukan pertolongan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Mereka adalah penting dalam sektor penghidupan untuk rakyat di Kuala Lumpur. Saya berharap Kerajaan akan mendengar rayuan mereka dan memberi pertolongan yang perlu. Keadaan di mana mereka hendaklah bermain "kucing dan tikus" dengan pihak penguatkuasa yunit penjaja patut dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya nampak ada ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bangun bercakap. Yang Berhormat dari Kangar sudah 3 hari saya nampak bangun, duduk; bangun, duduk—tetapi belum dapat lagi sampai gilirannya. Hari ini baharu 15 orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah bercakap. Jadi saya mungkin mengenakan waktu yang dibataskan untuk Ahli-ahli Yang Berhormat mulai dari hari Isnin iaitu ikut timbangan berapa ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap.

Sekarang masa sudah sampai. Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari Isnin, 16hb Oktober, 1978.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.00 petang.*